

**KAJIAN FUNGSI DAN MOTIF CERITA DALAM  
TEKS *SYAIR BONGSU PINANG PERIBUT* DAN  
*PUTERI SUSU GANDA* DENGAN *CHERITA  
BONGSU PINANG PERIBUT* BERDASARKAN  
TEORI MORFOLOGI DAN  
SOSIOLOGI SASTERA**

**NOR HUDA BINTI AHMAD RAZALI**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**

**KAJIAN FUNGSI DAN MOTIF CERITA DALAM TEKS *SYAIR BONGSU  
PINANG PERIBUT DAN PUTERI SUSU GANDA* DENGAN *CHERITA  
BONGSU PINANG PERIBUT* BERDASARKAN TEORI  
MORFOLOGI DAN SOSIOLOGI SASTERA**

**NOR HUDA BINTI AHMAD RAZALI**

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
(PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



Sila tanda (√)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada .....(hari bulan)..... (bulan) 20.....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, \_\_\_\_\_ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk \_\_\_\_\_

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

\_\_\_\_\_  
Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, \_\_\_\_\_ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk \_\_\_\_\_

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah \_\_\_\_\_ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

\_\_\_\_\_  
Tarikh

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

No. Matrik / Matric No.: \_\_\_\_\_

Saya / I: \_\_\_\_\_

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan (  ) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (  ) from the categories below:-*

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.*

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur dengan izinNya, tesis ini berjaya disiapkan. Sesungguhnya, tesis ini bukanlah dari hasil titik peluh saya sendiri, malah atas kerjasama dan bantuan pelbagai pihak yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan untuk saya berjuang dalam 'kembara' ini. Di sini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada semua yang terlibat sehingga terhasilnya tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Norazimah Zakaria selaku penyelia utama, dan Dr. Bazrul Bahaman selaku penyelia bersama yang sentiasa memberi komitmen, bimbingan serta tunjuk ajar yang amat berguna dalam menyelesaikan penulisan ini.

Saya juga bersyukur kerana sentiasa mendapat sokongan, suntikan semangat, kekuatan, dan doa yang tidak putus-putus daripada ibu bapa saya yang tercinta, iaitu Wan Zimah Binti Awang dan Ahmad Razali Bin Mohd Noh, serta keluarga yang sememangnya ingin melihat kejayaan saya ini. Tidak lupa juga buat suami, Mohd. Azani Bin Abu Bakar yang sentiasa memahami kesibukan diri, berkorban masa dan tenaga menemani saya, serta memberi sokongan padu sepanjang penghasilan tesis ini. Buat anak-anak kecilku, Mohammad Al Fateh dan Muhammad Adam Qayyum, terima kasih kerana menjadi penghibur dan peneman yang menguatkan semangat. Terima kasih atas segalanya. Kejayaan ini merupakan kejayaan buat kalian juga.

Terima kasih diucapkan kepada Haji Romli Abd. Aziz dan Encik Azhar Busu yang sudi memberi maklumat berkaitan pengarang, sekaligus membantu kajian ini dihasilkan. Tidak dilupakan juga buat pihak sekolah, Sek. Ren. Stella Maris, Kuala Lumpur, ketua guru dan rakan-rakan sejawat kerana sentiasa memberi semangat untuk saya terus melangkah dalam perjalanan mencari ilmu. Segala jasa dan sokongan yang dihulurkan dari pelbagai pihak memberi seribu pengertian kerana akhirnya, kejayaan yang dikecapi ini dapat dinikmati bersama.

Wassalam.

**NOR HUDA BINTI AHMAD RAZALI (P20122001863)**

Program Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu,  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Tanjung Malim, Perak.



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menjelaskan fungsi dan motif cerita dalam teks *Syair Bongsu Pinang Peribut dan Puteri Susu Ganda (SBPPPSG)* dengan teks *Cherita Bongsu Pinang Peribut (CBPP)*. Kajian turut menganalisis fungsi dan motif cerita dalam teks *SBPPPSG* sebagai dokumen sosiobudaya berdasarkan kerangka gabungan Teori Morfologi V. Propp dan Pendekatan Sosiologi Sastera Rene Wellek dan Austin Warren. Selain itu, kajian dilakukan untuk menghuraikan nilai berbentuk amanat melalui fungsi dan motif cerita berdasarkan teks dan konteks. Penyelidikan ini menggabungkan Teori Morfologi V. Propp dan Pendekatan Sosiologi Sastera Rene Wellek dan Austin Warren, iaitu Sosiologi Karya Sastera. Kaedah kualitatif digunakan untuk meneliti analisis kandungan teks yang terdapat dalam genre lipur lara ini. Data-data dalam kajian ini terdiri daripada data primer, iaitu teks *SBPPPSG* dan *CBPP*; dan data sekunder yang diperoleh daripada pelbagai sumber ilmiah bagi memperkukuh dapatan kajian. Melalui kajian kepustakaan, didapati kebanyakan bentuk kajian yang diteliti adalah sekadar menghuraikan aspek struktural naratif tanpa menghubungkannya dengan aspek sosiobudaya masyarakat. Hasil kajian dari analisis kandungan teks menunjukkan bahawa teks lipur lara ini terbina dari fungsi dan motif cerita yang merupakan unsur pembentuk teks, sekaligus menjadi formula bagi pengarang untuk menghasilkan karya lipur lara. Akan tetapi, berlakunya deviasi atau pelanggaran fungsi, iaitu urutan fungsi dalam kedua-dua teks adalah tidak tetap. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa fungsi atau motif cerita dalam teks seperti motif penjelmaan, perkahwinan dan peperangan menjadi unsur yang memperlihatkan teks *SBPPPSG* sebagai dokumen sosiobudaya. Seterusnya, nilai berbentuk amanat dalam teks *SBPPPSG* seperti nilai taat setia, tanggungjawab dan kasih sayang dapat dijadikan panduan, pengajaran dan nasihat kepada masyarakat. Kesimpulannya, fungsi dan motif cerita bukan sekadar menjadi unsur pembentuk cerita dalam teks lipur lara, malahan berupaya menjadi unsur yang menyerlahkan teks sebagai dokumen sosiobudaya, khususnya melalui teks *SBPPPSG*. Implikasi kajian ini diharapkan agar teks dapat menjadi satu garis panduan bagi pengkarya untuk menghasilkan karya baharu dan memberi gambaran akan kepentingan menghasilkan karya yang baik, bermutu dan bermanfaat.





**THE RESEARCH ON FUNCTIONS AND STORY MOTIVES IN THE TEXT OF  
*SYAIR BONGSU PINANG PERIBUT DAN SUSU GANDA* WITH *CHERITA  
BONGSU PINANG PERIBUT* BASED ON THE MORPHOLOGICAL  
THEORY AND THE LITERATURE SOCIOLOGICAL APPROACH**

**ABSTRACT**

This research aims to clarify the functions and story motives of the text of *Syair Bongsu Pinang Peribut dan Puteri Susu Ganda (SBPPPSG)* with *Cherita Bongsu Pinang Peribut (CBPP)*. The research also analyses the functions and story motives in the *SBPPPSG* text as the sociocultural document which based on the concept of combination between the Morphological Theory of V. Propp and the Literature Sociological Approach of Rene Wellek and Austin Warren. On the other hand, research is done to elaborate the values in term of message through the functions and story motives based on the text and context. This research combines the Morphological Theory of V. Propp and the Literature Sociological Approach of Rene Wellek and Austin Warren, which is Literary Work Sociology. Qualitative method was done to study the analysis of text content which can be obtained in this folklore genre. The data in this research consists of premier data which are the *SBPPPSG* and *CBPP* text; meanwhile, the secondary data which is obtained from various scholarly sources to firm the research result. From the library research, most of the research just focuses on the structural aspect of narrative without connect it with the sociocultural of society. The result from the analysis of the text context shows that these folklore stories are built from the functions and story motives which are the elements of text formation and makes the formula for the author to produce folklore literary work. However, there is a functional deviation or collision which is functional order in both texts that is not consistent. The result also shows that the functions or story motives in the text such as motives of incarnation, marriage and war are the elements that portray *SBPPPSG* text as the sociocultural document. Hence, the message value from the functions and story motives of *SBPPPSG* text like loyalty, responsibility and love can be a guidance, lesson and advice to the society. In conclusion, the functions and story motives are not just elements of text formation in folklore texts, but rather they are elements that highlight the text as a sociocultural document, in particular through the text of *SBPPPSG*. The research implication is expected that the text will be a guideline for authors to produce new work and portray the benefit of producing a better, quality and beneficial work.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xviii
<b>SENARAI LAMBANG</b>	xix
<b>PEDOMAN TRANSLITERASI</b>	xxi
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	10
1.3 Pernyataan Masalah	19
1.4 Kepentingan Kajian	25
1.5 Objektif Kajian	26



1.6	Soalan Kajian	27
1.7	Batasan Kajian	27
1.8	Kaedah Kajian	30
1.9	Teori Kajian	31
1.9.1	Teori Morfologi V. Propp	31
1.9.2	Pendekatan Sosiologi Sastera	32
1.10	Definisi Operasional	33
1.10.1	Fungsi	33
1.10.2	Motif Cerita	35
1.10.3	Syair	37
1.10.4	Morfologi	38
1.10.5	Sosiologi Sastera	39
1.11	Kesimpulan	40

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	44
2.2	Kajian Literatur Berkaitan Teori Morfologi V. Propp	47
2.3	Kajian Literatur Berkaitan Pendekatan Sosiologi Sastera	61
2.4	Kajian Literatur Berkaitan Syair	66
2.5	Kajian Literatur Berkaitan Aspek Sosiobudaya	73
2.6	Kesimpulan	79

## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	83
3.2	Reka Bentuk Kajian	86
3.3	Kerangka Kajian	87
3.4	Kaedah Kajian	88
3.4.1	Kaedah Kajian Kepustakaan	88
3.4.2	Kaedah Analisis Kandungan Teks	88
3.4.3	Kaedah Kajian Lapangan	89
3.5	Kerangka Konsep	90
3.5.1	Latar Belakang Teori Morfologi V. Propp	90
3.5.2	Teori Morfologi V. Propp	92
3.5.2.1	Konsep Fungsi	93
3.5.2.2	Konsep Situasi Awal	99
3.5.2.3	Konsep Pergerakan	101
3.5.2.4	Konsep Unsur Rangsangan	104
3.5.3	Latar Belakang Pendekatan Sosiologi Sastera	107
3.5.4	Pendekatan Sosiologi Sastera	109
3.5.5	Sosiologi Sastera Rene Wellek dan Austin Warren	112
3.5.5.1	Sosiologi Pengarang	113
3.5.5.2	Sosiologi Karya Sastera	114
3.5.5.3	Sosiologi Pembaca	115
3.6	Justifikasi Teori dan Pendekatan	120
3.7	Kerangka Gabungan Teori dan Pendekatan	122

3.8 Kesimpulan	126
----------------	-----

## **BAB 4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

4.1 Pengenalan	129
----------------	-----

4.2 Analisis Fungsi Teks <i>SBPPPSG</i> dan <i>CBPP</i>	130
---	-----

4.2.1 Analisis Serentak Berdasarkan Fungsi Pelaku V. Propp	135
--	-----

4.2.2 Analisis Unsur dalam Teori Morfologi V. Propp	202
---	-----

4.2.2.1 Unsur Situasi Awal	202
----------------------------	-----

4.2.2.1 Unsur Rangsangan	205
--------------------------	-----

4.2.2.3 Unsur Pergerakan	212
--------------------------	-----

4.2.3 Rumusan Analisis Fungsi dan Unsur dalam Cerita	229
--	-----

 05-4506832	 4.3 Analisis Motif Cerita	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 233	
--	---	--	--	---	---

4.3.1 Analisis Motif Cerita dan Kaitannya dengan Aspek Sosiobudaya	244
---	-----

4.3.1.1 Motif Kelahiran Luar Biasa	245
------------------------------------	-----

4.3.1.2 Motif Mimpi	253
---------------------	-----

4.3.1.3 Motif Perkahwinan	262
---------------------------	-----

4.3.1.4 Motif Penjelmaan atau Pertukaran Rupa	269
---	-----

4.3.1.5 Motif Angka Tujuh	280
---------------------------	-----

4.3.1.6 Motif Wasiat	287
----------------------	-----

4.3.1.7 Motif Ujian Ketangkasan	295
---------------------------------	-----

4.3.1.8 Motif Peperangan	307
--------------------------	-----

4.3.2	Analisis Nilai Berbentuk Amanat Menerusi Motif Cerita	318
4.3.2.1	Motif Kelahiran Luar Biasa (Taat Setia dan Menghormati Pemimpin)	322
4.3.2.2	Motif Mimpi (Berusaha, Kepintaran/ Kebijaksanaan)	332
4.3.2.3	Motif Perkahwinan (Kasih Sayang, Kerjasama, Pemurah, Tidak Tahu Malu)	340
4.3.2.4	Motif Penjelmaan atau Pertukaran Rupa (Tanggungjawab)	358
4.3.2.5	Motif Angka Tujuh (Menghormati Adat, Ketakwaan)	365
4.3.2.6	Motif Wasiat (Persefahaman, Iri Hati)	373
4.3.2.7	Motif Ujian Ketangkasan (Keberanian, Syak Wasangka)	382
4.3.2.8	Motif Peperangan (Muafakat/ Musyawarah, Kepahlawanan, Kezaliman)	389
4.3.3	Rumusan Analisis Nilai Berbentuk Amanat	402
4.4	Kesimpulan	406

## **BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	413
5.2	Dapatan Kajian	414
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	418

5.4 Cadangan dan Saranan 446

5.5 Kesimpulan 455

**RUJUKAN** 457

**LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Pengiraan Jumlah Rangkap dalam Manuskrip <i>SBPPPSG</i>	18
3.1	Fungsi-fungsi Pelaku V. Propp (1968)	95
4.1	Perbezaan Fungsi (episod) dan Subepisod dalam Teks <i>SBPPPSG</i> dan <i>CBPP</i>	136
4.2	Analisis Fungsi (episod) antara Teks <i>SBPPPSG</i> dengan <i>CBPP</i>	195
4.3	Perbezaan Pergerakan antara Teks <i>SBPPPSG</i> dengan <i>CBPP</i>	219
4.4	Fungsi-fungsi yang Terlibat dalam Penelitian Cerita	229
4.5	Kehadiran Motif dalam Fungsi dan Pergerakan	236
4.6	Jumlah Kehadiran Motif dalam Pergerakan	241

## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Proses Penghasilan <i>Cherita Bongsu Pinang Peribut (CBPP)</i> dan <i>Syair Bongsu Pinang Peribut dan Puteri Susu Ganda (SBPPPSG)</i>	29
3.1	Kerangka Kajian	87
3.2	Kerangka Konsep Analisis Fungsi dan Motif Cerita dalam Teks	117
3.3	Kerangka Gabungan Teori V. Propp dan Rene Wellek & Austin Warren	123
4.1	Unsur ‘Situasi Awal’ dalam Naratif <i>Bongsu Pinang Peribut</i>	203
4.2	Unsur ‘Rangsangan’ dalam Naratif <i>Bongsu Pinang Peribut</i>	206
4.3	Persamaan dan Perbezaan Bentuk Pergerakan Cerita dalam Teks <i>SBPPPSG</i> dan <i>CBPP</i>	222
4.4	Kombinasi Pergerakan Naratif <i>Bongsu Pinang Peribut</i>	224
4.5	Struktur Kronologi Teks <i>SBPPPSG</i> dan <i>CBPP</i>	227
4.6	Perkaitan Motif Cerita dengan Aspek Sosiobudaya Masyarakat	317
4.7	Nilai Berbentuk Amanat Menerusi Motif Cerita dalam Teks <i>SBPPPSG</i>	403



4.8	Fungsi Teks Berdasarkan Nilai Berbentuk Amanat Melalui Motif Cerita	405
5.1	Kehadiran Fungsi dalam Naratif <i>Bongsu Pinang Peribut</i>	423
5.2	Hubungan antara Unsur Pembentuk Cerita dalam Teks Lipur Lara	427
5.3	Pengkelasan Motif Cerita dalam Teks <i>SBPPPSG</i>	438





## SENARAI SINGKATAN

BPP	Bongsu Pinang Peribut
CBPP	<i>Cherita Bongsu Pinang Peribut</i>
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
MAGS	Maharaja Ambung Gunung Suara
MTSN	Maharaja Teh Sinar Negeri
MAT	Motif Angka Tujuh
MKLB	Motif Kelahiran Luar Biasa
MM	Motif Mimpi
MPJ	Motif Penjelmaan
MPKH	Motif Perkahwinan
MUK	Motif Ujian Ketangkasan
MWT	Motif Wasiat
PHL	Panglima Helang Laut
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
PDM	Pusat Dokumentasi Melayu
PMM	Pusat Manuskrip Melayu
PAL	Puteri Anjungan Laut
PEB	Puteri Embun Bunga

PKI	Puteri Kaca Intan
PRM	Puteri Rantai Mas
PSG	Puteri Susu Ganda
RBD	Raja Bintang Dikarang
<i>SBPPPSG</i>	<i>Syair Bongsu Pinang Peribut dan Puteri Susu Ganda</i>

## SENARAI LAMPIRAN

- A      Glosari
- B      Sinopsis *Syair Bongsu Pinang Peribut dan Puteri Susu Ganda (SBPPPSG)* dan *Cherita Bongsu Pinang Peribut (CBPP)*
- C      Sinopsis *Cherita Bongsu Pinang Peribut (CBPP)*
- D      Transliterasi Teks *Syair Bongsu Pinang Peribut dan Puteri Susu Ganda (SBPPPSG)*
- E      Contoh Halaman Manuskrip *Syair Bongsu Pinang Peribut dan Puteri Susu Ganda (SBPPPSG)*

## SENARAI LAMBANG

### No. Lambang

1	( $\beta$ )	Ketiadaan
2	( $\gamma$ )	Larangan
3	( $\delta$ )	Pelanggaran
4	( $\epsilon$ )	Tinjauan
5	( $\zeta$ )	Penyampaian
6	( $\eta$ )	Muslihat
7	( $\theta$ )	Muslihat
8	(A)	Kejahatan atau penganiayaan
8a	(a)	Kekurangan
9	(B)	Perantaraan peristiwa penghubung
10	(C)	Permulaan tindak balas
11	( $\uparrow$ .)	Wira meninggalkan rumah
12	(D)	Fungsi pertama donor
13	(E)	Reaksi wira
14	(F)	Pembekalan atau penerimaan alat sakti
15	(G)	Perpindahan di antara ruang, di antara dua negeri, panduan

- 16 (H) Pergelutan
- 17 (J) Penandaan
- 18 (I) Kemenangan
- 19 (K) Kekurangan awal diselesaikan
- 20 (↓.) Wira pulang
- 21 (Pr) Wira dikejar
- 22 (Rs) Wira diselamatkan
- 23 (O) Kepulangan tanpa dikenali
- 24 (L) Wira palsu mempersembahkan tuntutan palsu
- 25 (M) Suatu tugas yang susah dicadangkan kepada wira
- 26 (N) Penyelesaian
- 27 (Q) Wira dikenali
- 28 (Ex) Wira palsu atau penjarah didedahkan
- 29 (T) Wira diberi rupa baru
- 30 (U) Penjarah palsu dihukum
- 31 (W) Wira berkahwin dan menaiki takhta

## PEDOMAN TRANSLITERASI

Pedoman transliterasi yang digunakan untuk mentransliterasikan teks *Syair Bongsu Pinang Peribut dan Puteri Susu Ganda (SBPPPSG)* ialah *Pedoman Transliterasi Arab ke Ejaan Rumi Edisi Kedua* (2008). Pedoman tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Bil.	Huruf Arab	Huruf Rumi
1.	ا	-	16.	ط	ṭ
2.	ب	b	17.	ظ	ẓ
3.	ت	t	18.	ع	‘
4.	ث	th	19.	غ	gh
5.	ج	j	20.	ف	f
6.	ح	h	21.	ق	q
7.	خ	kh	22.	ك	k
8.	د	d	23.	ل	l
9.	ذ	dh	24.	م	m
10.	ر	r	25.	ن	n
11.	ز	z	26.	و	w
12.	س	s	27.	ه	h
13.	ش	sh	28.	ء	’
14.	ص	ṣ	29.	ي	y
15.	ض	ḍ	30.	ة	ah*

\*ditransliterasikan sebagai ‘at’ dalam konteks gabungan dua perkataan.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Kesusasteraan tradisional menjadi wahana dan cerminan masyarakat yang dapat menonjolkan pemikiran kreatif dan ketinggian daya fikir bangsa Melayu. Walaupun masyarakat tradisi hidup dalam keadaan serba daif tanpa bantuan peralatan canggih, namun mereka berupaya melahirkan pemikiran yang kreatif, kritis dan unik melalui pemerhatian, imaginasi dan sensitiviti mereka terhadap alam sekeliling. Sebagai masyarakat feodal yang biasanya terdiri daripada kaum tani dan nelayan yang tinggal di kawasan pedalaman, desa dan pinggir pantai, mereka memanfaatkan kreativiti dalam bidang kesusasteraan agar dapat membantu mereka mendapatkan sedikit hiburan bagi melepaskan tekanan dan lelah ketika seharian bekerja. Kreativiti yang dicurahkan dalam pengucapan lisan itu, antaranya dilihat melalui penghasilan cerita-



cerita lipur lara yang sememangnya bertujuan memberikan hiburan kepada khalayak pendengar. Fungsi ini dijelaskan sebagaimana dalam pernyataan di bawah:

Cerita-cerita yang disampaikan itu sentiasa disulam dengan pelbagai elemen menarik untuk mengalihkan perhatian khalayak daripada rasa sedih, letih dan rusing akibat kemiskinan hidup kepada rasa seronok, lapang jiwa, serta mampu ketawa semasa mendengar cerita.

(Mohd. Luthfi Abdul Rahman, 2015, ms. 55)

Sungguhpun cerita lipur lara dikatakan sebagai medium hiburan, namun hasil kekreatifan dan ketajaman minda Melayu telah memperlihatkan bahawa hasil nukilan ini bukan hanya bertindak sebagai hiburan semata-mata, malah telah meninggikan martabat dan darjat kepengarangan Melayu yang merentasi zaman, abad dan peradaban (Norhashimah Jamaluddin, 2008, ms. 37). Hal ini disebabkan oleh inti pati cerita lipur lara itu sendiri yang sarat dengan unsur moral, didaktik dan nilai falsasah serta ketamadunan yang tinggi merangkumi segenap aspek pemikiran termasuklah ekonomi, sosial, politik, falsafah dan budaya bangsa Melayu. Ismail Hamid (1983) menjelaskan bahawa cerita lipur lara merupakan “lantunan gagasan pemikiran minda Melayu yang mengungkap dan memaparkan persoalan falsafah dan pemikiran Melayu yang menyentuh nilai politik dan kepemimpinan, akal budi, patriotisme, jati diri, budi bahasa, cinta negara dan kasih sayang (ms. 39).

Menyebut mengenai cerita lipur lara, antara teks yang seringkali mendapat perhatian para pengkaji ialah *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* (1998), *Hikayat Malim Dewa* (1998), *Hikayat Raja Muda* (1998), *Hikayat Malim Deman* (1998) dan *Hikayat Anggun Cik Tunggal* (1985) yang merupakan cerita-cerita lipur lara yang telah menjangkau usia berabad-abad lamanya dan diiktiraf sebagai karya agung oleh Persatuan Karyawan Malaysia pada tahun 2013 (Mohamad Zuber Ismail, 2017, ms.1-







2). Cerita-cerita ini merupakan khazanah ilmu yang begitu penting kerana terus mewarnai dan melakarkan sejarah berharga yang memberi wajah kepada dunia peradaban tamadun Melayu. Di samping teks-teks tersebut, *Cherita Bongsu Pinang Peribut* (1964) juga sebenarnya turut melakarkan sejarah penting buat dunia peradaban Melayu sebagaimana cerita-cerita yang dinyatakan. Perihal *Cherita Bongsu Pinang Peribut* (CBPP) ini dinyatakan sebagaimana dalam petikan berikut:

Selain daripada karya-karya pensejarahan Melayu tradisional, semangat penentangan masyarakat peribumi terhadap pihak Portugis, yakni kuasa Barat yang dikatakan paling awal sekali tiba di rantau Nusantara turut dirakamkan cerita-cerita lisan di wilayah-wilayah yang berkaitan. Antara cerita lisan yang dimaksudkan ialah *Hikayat Anggun Cik Tunggal*, *Hikayat Malim Dewa* dan *Cherita Bongsu Pinang Peribut*

(Zubir Idris, 2011, ms. 109)

Intipati cerita yang dihubungkan dengan unsur-unsur sejarah jelas menggambarkan bahawa keberadaan CBPP turut dilihat memainkan peranan penting sebaris dengan teks-teks lipur lara popular yang lain. Teks-teks ini selain wujud dalam bentuk prosa, turut dihadirkan dalam bentuk puisi tradisional, iaitu syair. Rogayah A. Hamid dan Wahyunah Abd. Gani (2005) menyatakan bahawa “Hampir setiap genre dalam kesusasteraan Melayu tradisional mempunyai versinya dalam bentuk syair, di samping dalam bentuk prosa hingga terdapat satu kumpulan karya yang besar tercipta dalam bentuk syair (ms. 24). Misalnya, *Hikayat Anggun Cik Tunggal* sendiri memiliki versi syairnya, iaitu *Syair Anggun Cik Tunggal* yang digubah pada tahun 1978 oleh Djamin dan Tasat (Edwar Djamaris, 2001, ms. 39-40). Namun, terdapat syair Melayu popular yang merupakan syair bercorak cerita, antaranya seperti *Syair Siti Zubaidah*, *Syair Dandan Setia*, *Syair Selendang Delima* dan *Syair Bidasari*. Tidak terkecuali bagi CBPP yang turut digubah oleh pengarangnya ke dalam bentuk syair dengan judul *Syair Bongsu Pinang Peribut dan Puteri Susu Ganda* (SBPPPSG) pada tahun 1965.





Cerita-cerita lipur lara ini pada asalnya dituturkan secara lisan, namun mengalami perubahan apabila wujud sistem tulisan menyebabkan cerita-cerita tersebut dapat ditulis atau disalin dalam pelbagai versi. Kewujudan teks dalam pelbagai versi ini, khususnya teks yang bertulis tangan adalah disebabkan oleh tokoh tambah atau pengurangan isi semasa karya tersebut disalin semula oleh penulis lain. Hashim Awang et al. (1985) menjelaskan bahawa “Sesiapa pun boleh menyalin dan menyesuaikan semula karya itu, kerana kebanyakan kesusasteraan tradisional-walaupun bertulis-masih dianggap sebagai hak bersama, tiada diberikan nama penulis sebenarnya” (ms. 40). Melalui sastera bertulis ini, sesebuah karya itu dikatakan dapat hidup kekal dan tahan lama. Hal ini kerana menurut Hashim Awang et al. (1985, ms. 40), sastera bertulis adalah “sastera yang dicatatkan atau dirakamkan dalam tulisan”. Oleh sebab itu, sesebuah karya itu tidak akan lenyap selagi naskhah tulisannya kekal tersimpan dan terus dapat dibaca walaupun pengarangnya sudah tiada. Situasi sebegini dapat juga dilihat menerusi penghasilan teks *Cherita Bongsu Pinang Peribut*, seperti yang dijelaskan Ali Haji Ahmad dalam petikan berikut:

*Cherita Bongsu Pinang Peribut* yang dibukukan ini asal-nya telah dirakamkan daripada penuturan Enche’ Ahmad bin Hood dari Temerloh, Pahang, dalam bulan Disember 1962 oleh Enche’ Shamsuddin bin Kassim dan saya sendiri dari Bahagian Penyelidikan Dewan Bahasa dan Pustaka.

(Hamsiah Abdul Hamid, 1964, ms. x)

Jelaslah bahawa teks *CBPP* ini tergolong dalam sastera bertulis kerana ia telah dirakamkan dan diterbitkan sebagai sebuah buku. Begitu juga halnya dengan teks *SBPPPSG* yang dikarang setahun selepas penerbitan *CBPP*, namun ianya dihasilkan dengan tulisan tangan oleh pengarang itu sendiri, seperti yang terdapat pada bahagian permulaan syair ini:





Dengan bismillah mula dikarang  
Tulisnya buruk terlalu kurang  
Bukan siapa empunya tukang  
Dagang yang hina di Kampung Sanggang  
(SBPPPSG, Rangkap 1, ms. 1)

Secara umumnya, syair sebagai sebuah teks sastera tulisan bukan semata-mata bersandarkan kepada ‘bukti’ seperti yang disebutkan pengarang pada bahagian permulaan syair tersebut, malah ia dilihat kepada sejarah kemunculan syair itu sendiri yang dikaitkan dengan kedatangan agama Islam dan peranan agama Islam sebagai pembawa tulisan Jawi. Hal ini dapat dilihat menerusi pernyataan yang menjelaskan bahawa:

...syair ialah bentuk puisi yang berkembang setelah masyarakat Melayu memeluk agama Islam dan puisi bentuk ini lebih merupakan puisi sastera bertulis dan bukannya puisi dalam sastera lisan. Pentingnya ketibaan agama Islam bukan sahaja bergantung pada andaian bahawa syair dibawa oleh pendakwah dan pengembang agama Islam, malah kepentingan itu harus dikaitkan dengan peranan agama Islam sebagai pembawa tulisan Jawi yang menerajui segala perkembangan penciptaan berbagai-bagai karya kesusasteraan tulisan dalam pelbagai genre dalam perkembangan kesusasteraan Melayu.

(Rogayah A. Hamid dan Wahyunah Abd. Gani, 2005, ms. 10)

Pernyataan di atas menjelaskan bahawa kedatangan agama Islam dan sistem tulisan Jawi<sup>1</sup> yang dapat diterima oleh masyarakat tradisi merupakan faktor berkembangnya syair, iaitu puisi tradisional dalam sastera tulisan. Hal ini bermaksud, masyarakat tradisi terlebih dahulu memiliki sistem tulisan mereka tersendiri, seperti *Kawi* dan *Rencong* yang digunakan untuk menuliskan hasil sastera mereka. Tulisan-tulisan tersebut digunakan bagi menyuarakan perasaan mereka di atas permukaan batu, kulit binatang, kulit kayu, kepingan logam dan daun lontar. Hashim Awang et al. (1985) menyatakan bahawa “Dengan tulisan-tulisan inilah misalnya, mereka





menuliskan syair Melayu tua pada batu nisan yang terdapat di Minye Tujuh, Aceh...<sup>2</sup>” (ms. 38).

Menurut Harun Mat Piah et al. (2000, ms. 37), perkembangan agama Islam di Alam Melayu telah bermula sekitar abad ke-11 sehingga mencapai puncaknya pada abad ke-16. Dengan perkembangan tersebut, maka muncullah karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional atau lebih dikenali sebagai manuskrip Melayu. Karya-karya tradisional ini termasuklah manuskrip berbentuk syair memandangkan kewujudan syair juga dikaitkan dengan perkembangan agama Islam. Hal ini dinyatakan oleh Rogayah A. Hamid dan Wahyunah Abd. Gani (2005) yang bersetuju bahawa “syair wujud sejak abad kelima belas di Melaka kerana pada masa itu Islam telah bertapak dan berkembang di negeri itu dan segala jajahan takluknya. Dan perlu juga diingatkan bahawa Melaka bukanlah negeri Melayu pertama menerima Islam: Pasai sudah mendahuluinya” (ms. 18). Melalui hujahan Syed Muhammad Naquib al-Attas (1968), kegiatan mengarang syair atau bersyair mencapai puncak kecemerlangannya melalui aktiviti dan usaha Hamzah Fansuri pada abad ketujuh belas. Hal ini diperkukuh pula dengan pernyataan Zakaria Mustaffa dan Abdul Syukur Mohd Ali (2012) yang menyebutkan bahawa “Di antara penulis naskhah manuskrip yang awal selepas abad ke-16 ialah Hamzah Fansuri dengan contoh karyanya *Syair Sidang Fakir*<sup>3</sup>” (ms. 2).

Sungguhpun begitu, penghasilan syair oleh Hamzah Fansuri pada masa itu dikatakan bermula dengan penulisan bercorak keagamaan. Hal ini kerana Hamzah Fansuri mencipta syair Melayunya dengan berpandukan karya-karya ciptaan para pujangga Sufi dari Turki dan daerah-daerah lain (Rogayah A. Hamid dan Wahyunah





Abd. Gani, 2005, ms. 19). Hanya selepas penghasilan syair Hamzah Fansuri, penyair-penyair Melayu lain turut mencipta syair dengan tidak mengehendkan penciptaan mereka kepada syair keagamaan semata-mata, malah mengembangkan idea penciptaan mereka kepada disiplin ilmu yang lain, misalnya dari aspek sejarah. Hal ini disebutkan Teeuw (1966) dalam menyatakan pandangannya, iaitu “It is in no way surprising that as early as 1670 a Malay in Macassar used the genre for what we would term a historical poem, although it did contain a religious element” (ms. 445-446). Pernyataan ini menjelaskan bahawa seawal tahun 1670 sudah tercipta sebuah syair sejarah di Makasar, iaitu merujuk kepada *Syair Perang Mengkasar* yang dikarang oleh Encik Amin, seorang jurutulis di istana Sultan Hassanuddin.

Dalam tradisi penulisan manuskrip, R. O Winstedt berpendapat bahawa syair pertama kali muncul dalam sastera Melayu pada abad kelima belas menerusi *Syair Ken Tambuhan*. Bukti-bukti yang dikemukakannya ialah terdapat pemakaian kata-kata Kawi seperti *lalangan* (kebun), kata-kata Jawa seperti *ngambara* dan *ngulurkan*, perbendaharaan kata yang kaya, mitos Hindu dan satu gaya yang klasik (Liaw, 2011, ms. 563). Akan tetapi, pandangan ini tidak dipersetujui A. Teeuw dengan mengatakan bahawa *Syair Ken Tambuhan* baru ditulis pada abad ketujuh belas atau kelapan belas. Alasan beliau, unsur-unsur Jawa yang terdapat dalam syair tersebut belum tentu berasal dari bahasa Jawa oleh penulisnya, malah mungkin berasal dari cerita Panji dan wayang yang tersebar luas di alam Melayu sejak zaman dahulu kala. Bukan sahaja *Syair Ken Tambuhan*, malah *Syair Perang Mengkasar* turut dianggap sebagai syair tertua, seperti yang disebutkan C. Skinner (dalam Liaw, 2011) bahawa “Syair ini dikarang antara bulan Julai 1669 dan Jun 1670, dan mungkin adalah syair Melayu tertua yang diketahui orang” (ms. 593). Berdasarkan tarikh syair tersebut dikarang,





maka jelaslah bahawa pandangan C. Skinner itu dapat juga disangkal kerana menurut A. Teeuw, syair sebagai genre sastra baru diciptakan pada tahun 1600, iaitu ketika Hamzah Fansuri mula menulis puisinya. Namun, apa yang pasti ialah bentuk puisi Hamzah Fansuri itu juga digunakan oleh penyair-penyair lain sehinggakan terhasil pula pelbagai jenis syair seperti syair sejarah, syair romantis dan syair kiasan.

Sesebuah manuskrip pastinya dicatatkan sebab penulisan atau penyalinan berkenaan dilakukan. Secara umumnya, Ding (2008, ms. 16) menyatakan bahawa tujuan penulisan manuskrip Melayu adalah “untuk memaklumkan, selain mendidik dan menghiburkan”. Namun, tujuan sesebuah manuskrip itu disalin atau ditulis dapat juga diketahui bersandarkan kepada genre manuskrip tersebut, misalnya sesebuah karya sastra sejarah sama ada berbentuk hikayat mahupun syair dikarang lazimnya

bagi memenuhi kehendak atau perintah golongan raja. Hal ini dinyatakan Kun Zachrun Istanti (2010) bahawa “Penulisan dan penyalinan naskhah pada masa lampau dilakukan atas perintah dan atas tanggungan orang yang mempunyai pengaruh di mata masyarakat” (ms. 3). Norazimah Zakaria (2016, ms. 17) turut menyatakan bahawa tujuan sastra sejarah ditulis adalah “sebagai mengekalkan kemasyhuran golongan pemerintah untuk diketahui oleh generasi terkemudian”, di samping memetik pandangan Noriah Taslim (1993) yang menyatakan bahawa ia juga ditulis dengan tujuan sebagai “petunjuk masa depan”. Hal ini bermaksud, sastra sejarah juga mempunyai tujuan untuk memberi pengajaran. Selain itu, tujuan manuskrip ditulis dan disalin dapat dilihat sebagaimana dalam pernyataan di bawah:

Ia juga ditulis dan disalin untuk dibaca sebagai alat hiburan dalam kalangan penghuni istana, bangsawan serta rakyat jelata. Bagi rakyat jelata, terdapat tukang baca yang akan membacakan manuskrip dengan nada yang bersesuaian seolah-olah melakonkan cerita. Malah, ia juga dijadikan sebagai alat rujukan bagi para istana, bangsawan dan ulama. Adapun manuskrip bercorak Islam





diperkenalkan untuk membantu masyarakat membentuk akhlak mulia seperti mana yang terdapat pada para anbiya' dan orang soleh seperti sifat keberanian, keikhlasan, kejujuran dan sebagainya.

(Salsabil Mohd Zain, 2012, ms 16)

Berdasarkan tujuan yang disebutkan di atas, jelas bahawa ia merangkumi tujuan umum yang telah dinyatakan terlebih dahulu, iaitu untuk memaklumkan, mendidik serta menghiburkan. Jika dilihat dalam konteks penulisan sesebuah manuskrip syair pula, misalnya syair romantik seperti *Syair Bidasari*, ia dikarang bukan semata-mata bertujuan untuk memberi hiburan, malah turut menyampaikan pesan ke arah kebaikan, sebagaimana yang disebutkan pengarang syair bahawa tujuannya mengarang adalah “supaya menjadi tamsil ibarat” (Jamilah Hj. Ahmad, 1989, ms. 1).



Walau apa pun tujuan sesebuah manuskrip Melayu itu ditulis, dicatat atau disalin, namun yang nyata ialah ia menjadi “sumber maklumat peribumi bertulis” kerana ruang lingkungannya yang luas dan meliputi pelbagai ilmu dan maklumat (Ding, 2008, ms. 9). Sehubungan itu, ia wajar dipandang sebagai sumber maklumat yang menjadi asas bagi masyarakat Melayu tradisi untuk berkomunikasi, membuat keputusan, mengurus diri, mendapat pendidikan, ilmu dan juga hiburan. Hal ini kerana di dalamnya terkandung informasi mengenai hal ehwal manusia, institusi sosial, budaya, ekonomi, politik, sains, teknologi, penujuman, pertanian, perubatan dan lain-lain ilmu yang berkaitan dengan orang Melayu. Justeru, kesemua maklumat ini penting bagi menjamin penerusan jati diri orang Melayu pada masa kini dan juga masa hadapan.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

*SBPPPSG* merupakan sebuah manuskrip syair bercorak cerita dari negeri Pahang. Pada asalnya, cerita mengenai *Bongsu Pinang Peribut* ini merupakan salah sebuah sastera lisan<sup>4</sup> bercorak naratif yang disampaikan dalam bentuk prosa. Berdasarkan ciri-ciri cerita lisan, ia tergolong dalam cerita lipur lara. Seterusnya, ia dibukukan hasil dari rakaman berdasarkan penuturan Encik Ahmad Hud pada bulan Disember 1962 dengan tajuk *Cherita Bongsu Pinang Peribut* (1964). Pengarang, iaitu Encik Ahmad Hud atau lebih dikenali sebagai Pak Cik Do merupakan satu-satunya tukang cerita dan penyair di Kampung Sanggang, Temerloh semasa tempoh hayatnya. Beliau meninggal dunia pada tahun 1978 ketika berusia 80-an akibat sakit tua. Selain naratif *Bongsu Pinang Peribut* ini, beliau turut memiliki cerita-cerita lain, namun cerita tersebut lebih berunsur agama (Informan 1 tidak dapat mengingat tajuk cerita-cerita beliau). Pengarang dikatakan pernah dipanggil ke istana di Pekan selama seminggu untuk menyampaikan syairnya kepada golongan diraja. Selain itu, sebagai tukang cerita, sudah tentu beliau turut dipanggil untuk menyampaikan ceritanya kepada khalayak yang terdiri daripada penduduk-penduduk kampung, misalnya menyampaikan syair semasa majlis perkahwinan dan juga hadir ke rumah-rumah penduduk yang memanggilnya. Beliau tidak menggunakan apa-apa alat muzik dan hanya bergantung kepada suaranya sahaja untuk menyampaikan cerita dan syairnya.

Berbalik kepada teks syair, naratif *Bongsu Pinang Peribut* ini dikatakan sebagai antara cerita lipur lara berunsur sejarah dan subjek peperangan, sebagaimana yang dapat dilihat dalam petikan berikut:







Cerita lipur lara serta syair berunsur sejarah dan subjek peperangan, sama ada dikarang oleh pengarang di Tanah Melayu mahupun pengarang di Nusantara amnya, turut mewacanakan Barat dengan perspektif tersendiri. Dalam sastera rakyat, imej Barat terlihat dalam *Hikayat Anggun Che Tunggal*, *Hikayat Malim Dewa*, *Raja Donan*, *Hikayat Raja Budiman*, dan *Bongsu Pinang Peribut*.

(Mohamad Saleeh Rahamad, 2014, ms. 307)

Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa naratif *Bongsu Pinang Peribut* ini telah wujud dalam teks persuratan tradisional bermula abad ke-17. Barangkali kewujudannya seiring atau setelah wujudnya teks sastera sejarah *Sulalat al-Salatin* atau *Sejarah Melayu*, yang kemudiannya diikuti oleh *Hikayat Hang Tuah*. Kewujudan teks-teks ini dikatakan kesan dari kedatangan kuasa Barat ke Alam Melayu<sup>5</sup>.

Cerita ini seterusnya beralih bentuk dari prosa kepada bentuk puisi, iaitu syair yang dikarang sendiri oleh Encik Ahmad Hud dengan mengekalkan ciri-ciri cerita penglipur lara tersebut. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa syair ini merupakan syair lipur lara disebabkan wujudnya kekreatifan pengarang yang bijak mengolah bentuk cerita tersebut kepada bentuk puisi. Dari segi pembahagian zaman yang diutarakan oleh Winstedt (1969), teks *SBPPPSG* dapatlah dikategorikan dalam sastera peralihan Hindu Islam. Dalam syair ini terdapat beberapa unsur Hindu yang amat ketara seperti penggunaan watak raksasa dan jin yang memainkan peranan penting dalam perjalanan cerita.

Dalam konteks kajian ini, teks *SBPPPSG* merupakan teks syair berbentuk cerita yang memperlihatkan ciri yang hampir sama dengan cerita-cerita lipur lara. Menurut Jamilah Hj. Ahmad (1989), “Syair-syair berbentuk cerita merupakan syair yang sangat luas penyebarannya dalam masyarakat Melayu” (ms. x). Seseorang





penyampai syair akan membaca atau melagukan syair-syair manakala khalayak pendengar akan datang untuk menikmati keindahan bait-bait syair tersebut. Fungsi pembaca atau penyampai syair tersebut sama seperti penutur cerita-cerita lipur lara. Keadaan sebegini menjelaskan bahawa naskhah-naskhah syair pada suatu masa dahulu menjadi bahan pinjaman yang amat popular dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional. Tambahan pula, naskhah-naskhah ini boleh disalin oleh sesiapa sahaja yang ingin memiliki naskhah tersebut. Sebagai contoh, lihat rangkap dari permulaan *SBPPPSG* sebagaimana berikut:

Sehari-hari duduk bercinta  
Lalu menulis suatu cerita  
Entahpun benar entahpun dusta  
Saya sekadar mendengar cerita

Bukannya saya memandangnya terang  
Hanyalah mendengar ceteranya orang  
Dibuatkan syair pula sekarang  
Kalau-kalau ada diperkenan orang

Bukan pula menunjukkan bijak  
Kepada sekalian adik dan kakak  
Orang yang lain pun jikalau berkehendak  
Terlebih lagi cantiknya pulak

(*SBPPPSG*, Rangkap 5-7, ms. 1)

Seperti yang telah dijelaskan, syair berbentuk cerita mempunyai persamaan dengan cerita-cerita lipur lara. Penyampaian syair hanya akan menjadi lebih menarik dan berkesan apabila ia dilagukan. Bagi memastikan keberkesanan penyampaian tersebut, penyampai syair juga haruslah cekap dan mampu menguasai nada suara dengan baik serta merdu bagi menarik minat lebih ramai audien untuk mendengar syair yang dilagukan. Hal ini menjelaskan bahawa penyampai syair memiliki persamaan dengan penutur cerita lisan yang memerlukan nada suara yang baik





sebagai alat penyampaian bahan yang ingin dikongsikan bersama khalayak. Namun yang membezakan kedua-duanya ialah pembaca syair dapat membaca dari teks bertulis manakala penutur atau penglipur lara memerlukan daya ingatan yang kuat untuk memperdengarkan cerita kepada khalayak.

Syair bercorak cerita yang dikatakan memiliki ciri-ciri yang sama dengan cerita lipur lara digambarkan melalui pernyataan berikut:

Penglipur lara merupakan sastera rakyat berbentuk naratif yang paling popular. Ia menjadi unsur hiburan utama dalam masyarakat tradisional. Ia bercorak roman yang mengisahkan tentang kecantikan, kegagahan dan pengembaraan putera puteri raja. Keseluruhannya adalah menggambarkan golongan istana tersebut, yang dianggap sebagai bersifat *superhuman* dan bertaraf dewa dewi. ....Cerita ini pula mempunyai satu bentuk pola penceritaan yang sama, iaitu bentuk pola yang terdiri daripada tiga bahagian. Pertama ialah bahagian pengenalan yang biasanya menceritakan kelahiran putera puteri raja yang menjadi watak utama. Kedua merupakan bahagian pengembaraan watak tersebut, di sinilah dikisahkan sebab-sebab berlakunya pengembaraan dan peperangan mereka dengan para musuh. Dan ketiga menjadi bahagian pengakhiran, iaitu bahagian yang mengandungi kisah kejayaan pengembaraan tadi dan kebahagiaan hidup mereka. Beginilah bentuk pola penceritaan yang dimiliki oleh hampir semua cerita penglipur lara masyarakat kita.

(Hashim Awang et al., 1985, ms. 31)

Sebagaimana cerita lipur lara, syair bercorak cerita juga berkisar di sekitar istana; tentang putera dan puteri raja; bertemakan percintaan dan peperangan, kelebihan, kegagahan atau kesaktian wira atau wirawati; plot yang menceritakan kelahiran, pengembaraan dan penyelesaian. Bahagian pengembaraan merupakan bahagian paling penting dalam sesebuah cerita lipur lara kerana di bahagian inilah wira atau wirawati menghadapi pelbagai peristiwa yang dapat menonjolkan keistimewaan mereka. Dalam bahagian kelahiran pula, wira atau wirawati digambarkan sebagai bayi yang lahir dalam keadaan yang istimewa, ganjil, pelik dan





hebat, misalnya berlaku banjir, angin bertiup kencang dan tersisip keris di pinggang bayi semasa kelahiran tersebut.

Di samping itu, wira atau wirawati biasanya pergi mengembara disebabkan pelbagai faktor, antaranya menuntut ilmu, mencari isteri, menyelamatkan negeri, ditawan musuh, dan diserang geruda. Semasa mengembara, wira atau wirawati dapat memperlihatkan kesaktian atau kegagahan mereka melalui pelbagai ujian dan halangan yang ditempuhi, salah satunya ialah peperangan antara wira dengan raja-raja dan dewa kayangan. Pengembaraan wira atau wirawati melibatkan pelbagai latar yang berbeza, iaitu bermula di istana, keluar ke hutan, ke lautan atau kayangan dan akhirnya kembali ke istana. Kesemua ciri yang dinyatakan bukan sahaja merujuk kepada cerita lipur lara Melayu, malahan dilihat memiliki persamaan dengan syair



bercorak cerita, seperti mana syair pilihan dalam kajian ini.

Sebagai sebuah teks lipur lara, teks *SBPPPSG* juga mempunyai tujuan tertentu mengapa ia ditulis. Pengarang dengan jelas menyatakan sebab ia mengarang syair ini, iaitu:

Sekalian orang benci belaka  
Akan sahaya dagang yang duka  
Tiada sekali disangka-sangka  
Semuanya itu adik dan kaka

Sebab itulah lalu menyurat  
Menghiburkan hati cinta melarat  
Umpama perahu buatan sarat  
Dipukul ombak gelombang barat

Sehari-hari duduk bercinta  
Lalu menulis suatu cerita  
Entahpun benar entahpun dusta  
Saya sekadar mendengar cerita

(*SBPPPSG*, Rangkap 3-5, ms. 1)





Rangkap di atas menjelaskan bahawa pengarang ‘menyurat’ syair bertujuan menghiburkan hatinya yang sedang dalam kedukaan akibat ‘dibenci orang’. Pengarang dikatakan dibenci oleh adik dan kakaknya sendiri. Akan tetapi, tidak keterlaluan jika dianggap bahawa pengarang sengaja menggunakan frasa-frasa tersebut bagi menggambarkan rasa kedukaan di samping memperindah rima dalam rangkap tersebut. Apa yang jelas, syair dikarang bagi menghiburkan hatinya yang sedang dalam kesedihan. Akan tetapi, tujuan penulisan sebegini tidak dinyatakan pula oleh pengarang dalam teks *CBPP*. Walau bagaimanapun, tujuan penciptaannya secara umum tetap sama, iaitu bukan sahaja menghiburkan hati pengarang, malah memberi hiburan dan melegakan hati bagi sesiapa yang mendengar cerita.

Sebagaimana tajuk kajian, iaitu “Kajian fungsi dan motif cerita dalam teks



*Syair Bongsu Pinang Peribut dan Puteri Susu Ganda dengan Cherita Bongsu Pinang*

*Peribut* berdasarkan Teori Morfologi dan Sosiologi Sastera”, kajian ini melibatkan kedua-dua teks yang berbeza bentuk, iaitu prosa dan puisi tradisional. Sungguhpun begitu, teks *SBPPPSG* akan lebih difokuskan memandangkan teks ini merupakan sebuah manuskrip bertulisan jawi yang perlu ditransliterasi ke dalam tulisan Rumi terlebih dahulu bagi memudahkan pembacaan dan penelitian terhadap isi kandungan teks. Teks *SBPPPSG* dengan kod bernombor MS 143 merupakan naskhah koleksi Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berbahasa Melayu. Seperti yang tercatat di bahagian doksologi, syair ini dikarang oleh Encik Ahmad Hud di Kampung Sanggang, Temerloh pada 15 Disember 1964. Syair ini dikatakan selesai disalin dalam tempoh satu tahun kerana pengarang menyebutkan di bahagian kolofon bahawa syairnya ditamatkan pada malam Isnin, 27 Syaaban 1385, iaitu bersamaan 20 Disember 1965. Berdasarkan catatan dalam teks (di bahagian





doksologi) menurut *dagang yang hina* ini yang berbunyi “dibuatkan syair pula sekarang” menjelaskan bahawa manuskrip ini merupakan adaptasi dari sebuah cerita yang sama, iaitu seperti yang telah dijelaskan, naratif *Bongsu Pinang Peribut* ini terlebih dahulu wujud dalam bentuk prosa dan kemudiannya dibukukan pada tahun 1964 dengan judul *Cherita Bongsu Pinang Peribut*.

Teks manuskrip ini ditulis di atas kertas sebuah buku latihan, berukuran 22 cm x 17 cm. Setiap halaman mengandungi purata 20 baris dan dua kolom dengan ukuran 18 cm x 7 cm bagi setiap kolom. Teks ditulis dengan menggunakan dakwat berwarna biru dan hitam, namun terdapat halaman-halaman yang dilihat menggunakan warna merah, khususnya bagi membuat garisan pada kolom. Manuskrip ini mengandungi 437 halaman tidak termasuk empat halaman awal yang memuatkan tajuk kecil berserta halamannya. Pengarang memulakan karyanya dari halaman pertama sehingga ke halaman 434, sementara tiga halaman terakhir pula, iaitu halaman 435 hingga 437 memuatkan maklumat mengenai tarikh tamat syair disalin, keadaan kampung pengarang pada waktu tersebut dan juga nasihat-nasihat buat khalayak pembaca. Manuskrip ini mengandungi dua jilid, iaitu jilid pertama bermula dari halaman awal yang tidak dicatat halamannya sehinggalah halaman 232, sementara jilid kedua pula bermula dari halaman 233 hingga 437. Akan tetapi, halaman 266, 267, 382 dan 383 pada jilid kedua telah tercicir.

Manuskrip ini mengandungi kesalahan pengiraan rangkap oleh pengarangnya bermula dari halaman lapan yang sepatutnya dicatatkan dengan nombor 68 bagi rangkap pertama halaman tersebut, sehingga kesemua rangkap pada halaman seterusnya dicatatkan dengan nombor yang salah. Pengarang sememangnya





menyedari kesalahannya mencatat nombor rangkap dengan menuliskan catatan pada halaman tidak bernombor selepas halaman 232. Catatannya berbunyi “Nombor-nombor nalam<sup>6</sup> itu sudah tersalah – 3287. Yang betulnya 2327 sahaja nalamnya jilid yang pertama. Dibetulkan semula nombor nalam di muka 428 jilid yang kedua”. Catatannya bermaksud bahawa rangkap pada jilid yang pertama sepatutnya memiliki 2327 rangkap sahaja, tetapi beliau membuat kesalahan pengiraan nombor rangkap sehinggalah rangkap terakhir jilid pertama berakhir dengan nombor 3287. Pada jilid kedua dari halaman 233 pula disambung catatan nombor rangkapnya dengan nombor 3288 sehinggalah pada halaman 427 dengan nombor rangkap terakhir halaman tersebut, iaitu 6127. Pengarang kemudian membetulkan semula nombor rangkap pada halaman 428 dengan nombor 4278 sehinggalah pada halaman 434 dengan catatan nombor rangkap, iaitu 4340. Sungguhpun demikian, catatan nombor rangkap yang dibetulkan pengarang tetap salah kerana rangkap terakhir pada halaman 434 sepatutnya berakhir dengan nombor 4333.

Secara ringkasnya, rangkap pada halaman biasa berjumlah 10 rangkap didarabkan dengan 434 jumlah halaman syair, maka jumlah rangkap ialah 4340 rangkap. Akan tetapi, pada halaman pertama, hanya terdapat tujuh rangkap dan halaman 434 pula hanya terdapat enam rangkap. Hal ini bermakna, jumlah rangkap sepatutnya ialah 4333 sahaja setelah ditolak tiga rangkap pada halaman pertama dan empat rangkap pada halaman 434. Namun yang demikian, terdapat empat halaman yang tercicir, maka rangkap syair yang berjumlah 4333 perlu ditolak dengan 40 rangkap (10 rangkap darab 4 halaman), maka jumlah rangkap yang ada pada manuskrip ini hanyalah 4293 rangkap sahaja. Biar pun terdapat halaman yang tercicir, namun nombor rangkap pada halaman seterusnya perlu dicatat dengan nombor





rangkap yang sepatutnya sehinggalah nombor rangkap yang terakhir perlu berakhir dengan nombor 4333. Secara mudahnya, pengiraan jumlah rangkap ini digambarkan sebagaimana dalam Jadual 1.1 di bawah:

Jadual 1.1

*Pengiraan jumlah rangkap dalam manuskrip SBPPPSG*

Perkara	Jumlah
Jumlah halaman syair	434 halaman
Jumlah rangkap pada halaman biasa	10 rangkap
Jumlah rangkap pada halaman pertama	7 rangkap
Jumlah rangkap pada halaman 434	6 rangkap
Jumlah rangkap yang tercicir	4 halaman x 10 rangkap = 40 rangkap
Jumlah rangkap yang sepatutnya	434 x 10 = 4340 rangkap – 7 rangkap = 4333 rangkap
Jumlah rangkap dalam manuskrip	4333 rangkap – 40 rangkap = 4293 rangkap



Seterusnya, terdapat halaman yang seperti terkena air, misalnya dari halaman 303 hingga 312, namun masih dapat dibaca dengan baik. Walaupun terdapat beberapa perkataan yang agak sukar untuk dibaca, namun secara keseluruhannya, tulisan adalah kemas dan dapat dibaca dengan jelas kerana ia tidak menjejaskan pemahaman terhadap isi kandungan cerita dalam syair ini. Teks ini memaparkan dengan jelas mengenai nama pengarangnya, tarikh dan tempat teks *SBPPPSG* ini ditulis. Maklumat nama pengarang, iaitu Encik Ahmad Hud diperoleh pada halaman awal tidak bernombor; halaman pertama pula terkandung maklumat mengenai tarikh dan tempat teks ditulis, iaitu teks mula ditulis pada 15 Disember 1964 dan pengarang menyebutkan bahawa beliau merupakan ‘dagang yang hina’ di Kampung Sanggang; sementara pada halaman 434, terdapat maklumat mengenai tarikh tamat penulisan teks, iaitu pada malam Isnin, 20 Disember 1965 bersamaan 27 Syaaban 1385.







Rumusannya, kajian ini memfokuskan teks *SBPPPSG* kerana teks ini perlu melalui proses transliterasi terlebih dahulu sebelum dapat dianalisis berdasarkan aspek-aspek kajian yang turut melibatkan teks *CBPP*. Proses transliterasi ini penting untuk dilaksanakan agar pemahaman yang jelas terhadap isi kandungan teks itu diperoleh. Seterusnya, ia dapat memudahkan kajian dalam usaha mencari aspek-aspek kajian yang sesuai berdasarkan isi kandungan teks.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pada awalnya, penyebaran cerita lipur lara berbentuk prosa ini dilakukan secara lisan, dan kemudiannya barulah dihadirkan dalam bentuk bertulis, diikuti dengan kehadiran teks dalam bentuk puisi tradisional. Keadaan ini menjelaskan bahawa cerita lipur lara ini mengalami proses adaptasi apabila wujudnya teks dalam bentuk syair yang diolah dari teks berbentuk prosa. Perkataan adaptasi menurut *Kamus Dewan edisi keempat* (2005, ms. 7) didefinisikan sebagai “penyesuaian dengan keadaan yang baru atau berbeza”. Wan Hasmah Wan Teh dan Md. Salleh Yaapar (2015) menyatakan bahawa “Adaptasi bermaksud mengubah sesetengah isi daripada satu media kepada satu media yang lain” (ms. 225). Field (1990, ms. 148) pula mendefinisikan adaptasi sebagai “kebolehan menyesuaikan dengan menukar atau menyelaraskan serta mengubah sesuatu bagi mencipta perubahan berkaitan struktur, fungsi dan bentuk agar dapat menghasilkan satu pelarasan yang lebih”. Field (1990) turut mengatakan bahawa “Sesebuah karya yang diadaptasi hendaklah dianggap sebagai sebuah karya asal” (ms. 149). Adaptasi dapat disimpulkan seperti pandangan Wan Hasmah Wan Teh dan Md. Salleh Yaapar (2015, ms. 26), iaitu “...adaptasi bukan semata-mata





usaha mengubah medium tetapi juga usaha mencipta semula kerja seni yang baharu di samping memastikan suasananya seperti keadaan asal”. Pelbagai sumber seperti novel, buku, cerpen, puisi, autobiografi dan lain-lain dapat memunculkan proses adaptasi sesebuah karya. Namun, sumber tersebut hanyalah sebagai titik permulaan kepada penghasilan sebuah karya yang baharu, dan dalam kajian ini merujuk kepada manuskrip syair (*SBPPPSG*) yang bersumberkan teks prosa tradisional (*CBPP*). Walaupun masih mengekalkan medium yang sama, namun bentuk teks berubah sama sekali.

Oleh sebab syair mendapat tempat di hati para pendengarnya, lantas kepopularan syair menjadikan pengarang mengolah cerita dari bentuk prosa kepada bentuk puisi tradisional, iaitu syair<sup>7</sup>. Antara teks prosa yang telah diolah ke dalam bentuk syair ialah teks *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. *Hikayat Anggun Cik Tunggal* telah dijadikan syair dengan judul *Syair Anggun Cik Tunggal* oleh Djamin dan Tasat (1978)<sup>8</sup> sementara *Hikayat Merong Mahawangsa* kemudiannya dijadikan sandaran penciptaan teks berbentuk puisi tradisional, iaitu *Syair Kedah Darul Aman*, hasil buah tangan Abdul Halim ‘R’ (Jelani Harun, 2013, ms. 82). Hasil ciptaan pengarang puisi ini dapat dilihat sebagaimana dalam beberapa contoh rangkap di bawah:

Mendengar kata demikian peri  
Bertambah marah sang juru mudi  
Lalu berkata keras sekali  
Hai tunggal hendak dengari



Mengapa engkau terlalu murung  
Engkaulah orang tak tahu untung  
Mamakmu ditawan Cina Kuantung  
Di kandang babi ia bernaung  
(*Syair Anggun Cik Tunggal*, 1978)

Pada zaman dahulu kala  
Nabi Sulaiman perintah segala  
Seluruh alam segenap petala  
Taat perintah dengan rela

Tersebut kisah di Langkapuri  
Burung garuda berdiam diri  
Banyak sakti megah sendiri  
Semua makhluk takut hampiri  
(*Syair Kedah Darul Aman*, 2001)

Adaptasi dari teks cerita kepada teks syair menyebabkan berlaku perubahan dari aspek bentuk dan ciri-cirinya. Mohamad Hanifah (2004, ms. 11-12) menyatakan bahawa dalam proses penurunan cerita, pastinya berlaku variasi dan hal ini tidak dapat dielakkan kerana ciri-ciri sastera rakyat dalam proses penurunan tersebut pastinya "...berlaku tokoh tambah dan penyingkiran kepada bahagian yang disukai atau yang tidak disukai mengikut kesesuaian latar dan khalayak". Maka, ia dilihat sebagai suatu perkara yang menarik untuk diteliti dalam kajian ini disebabkan bentuk cerita ini, iaitu dari prosa diolah kepada bentuk puisi, iaitu syair oleh penutur yang sama, Encik Ahmad Hud. Dengan yang demikian, keadaan ini sememangnya sesuatu yang berbeza dari kajian-kajian sebelum ini yang hanya melakukan perbandingan terhadap teks dari bentuk yang sama, sama ada perbandingan puisi atau perbandingan prosa. Manakala, kajian ini secara tidak langsung adalah untuk melihat perbezaan cerita yang sama dalam bentuk yang berlainan menerusi penutur yang sama.



Aminuddin (2000) menghuraikan bahawa “Dalam upaya memahami teks sastra, terutama puisi, kesulitan utama yang biasa muncul adalah dalam upaya memahami makna” (ms. 110). Oleh itu, pemahaman terhadap teks berbentuk prosa dan teks berbentuk puisi pastinya diperoleh secara berbeza disebabkan bentuk teks tersebut. Pemahaman terhadap teks prosa akan lebih mudah dan cepat untuk diperoleh, namun pemahaman terhadap teks puisi tradisional memerlukan pembacaan yang berulang-ulang agar jelas isi kandungan yang ingin disampaikan pengarang. Melalui prosa, pengarang bebas menggunakan diksi atau frasa yang pelbagai kerana bentuknya yang tidak terikat, namun bagi mengarang syair pula, pengarang perlu cekap memilih kata-kata yang bersesuaian disebabkan bentuknya yang terikat yang memerlukan pengarang mematuhi peraturan tertentu supaya sesuatu cerita dapat disampaikan dengan jelas. Zahir Ahmad et al. (2006, ms. 269) menyatakan bahawa “...dalam keterbatasan kata dan kehendak rima yang terlalu rigid, agak sukar bagi kita untuk menceritakan sesuatu itu dengan jelas dan dapat menimbulkan kesan emosi apabila dibaca atau didengar”. Justeru, sebelum pengkajian terhadap aspek-aspek yang lain, teks perlu dikaji sebagai sebuah struktur yang bermakna dan bernilai estetik. Harun Mat Piah et al. (2000, ms. 319) menjelaskan bahawa “...pasti terdapat unsur-unsur perbezaan yang nyata antara kedua-dua bentuk penulisan ini, yang lahir daripada sifat dasar bentuk prosa dan puisi itu sendiri”. Oleh yang demikian, kajian cuba melihat persamaan atau perubahan dari proses adaptasi teks berbentuk cerita kepada teks berbentuk syair melalui aspek struktural naratif dengan menggunakan Teori Morfologi V. Propp.





Kajian ini wajar dilaksanakan kerana masih belum ada kajian yang dilakukan mengenai teks *SBPPPSG* dari pelbagai aspek termasuklah aspek struktural naratif ini, sedangkan langkah ini perlu dilaksanakan bagi menunjukkan bahawa sebuah cerita itu memiliki strukturnya tersendiri. Sebagai pengenalan kepada kajian terhadap teks ini, maka sewajarnya kajian ditumpukan terhadap aspek struktur yang membina naratif teks tersebut, sebagaimana yang disebutkan Noriah Taslim, (1987, ms. ix), iaitu "... analisis struktural bukannya sesuatu yang terakhir! Tetapi lebih merupakan sesuatu permulaan." Tambahan pula, karya sastera itu sendiri merupakan suatu struktur yang *autonomous* yang dapat difahami sebagai suatu kesatuan yang bulat dengan unsur-unsur yang membinanya saling berjalanan. Untuk memahami struktur tersebut, maka perlu dihuraikan unsur-unsur pembentuknya sehingga makna yang terkandung di dalamnya dapat difahami dengan jelas. Pengkajian terhadap struktur syair adalah bertujuan memahami struktur syair dengan lebih terperinci dalam usaha menuju kepada pemahaman makna. Hal ini kerana makna sesebuah karya sastera tidak mungkin dapat difahami tanpa melihat struktur yang membangun karya tersebut, lantas menjelaskan bahawa makna memiliki kaitan yang erat dengan strukturnya.

Kajian aspek struktural sesebuah karya sastera seharusnya menjadi langkah permulaan bagi kajian yang berkaitan dengan budaya dan masyarakat. Hal ini diperjelas melalui pernyataan berikut:

*... structural analysis is not an end in itself! Rather it is a beginning, not an end. ... In this sense, Propp's study is only a first step, albeit a giant one. ... Whether this is so or not, there is certainly no reason in theory why the syntagmatic structure of folktales cannot be meaningfully related to other aspects of a culture (such as social structure).*

(Propp, 1968, ms. xiii)





Pernyataan di atas bermaksud analisis struktural ini merupakan suatu permulaan dan satu langkah besar bagi kajian-kajian tentang perhubungan cerita rakyat dengan kebudayaan, kemasyarakatan dan struktur sosial. Namun, Mohd Taib Osman (1991) menyatakan bahawa “Pendekatan struktural V. Propp sememangnya telah dicuba oleh sarjana-sarjana termasuklah sarjana di Malaysia apabila menghuraikan cerita-cerita tempatan, akan tetapi metode struktural ini tidak memberikan jawapan yang lebih mendalam daripada menunjukkan bahawa satu-satu cerita tadi ada susunan atau strukturnya” (ms. 8).

Oleh yang demikian, sesebuah karya sastera itu selain diteliti menerusi aspek struktural naratifnya, ia juga perlu dipandang sebagai dokumen budaya yang mencatat kenyataan sosiobudaya sesuatu masyarakat pada suatu masa tertentu. Hal ini dinyatakan Mohamad Mokhtar Hassan (1995, ms. 13), iaitu “... memang ada anggapan bahawa karya sastera merupakan refleksi daripada suatu realiti, sehingga sebuah karya sastera dianggap sebagai sebuah dokumen sosiobudaya”<sup>9</sup>. Hubungan akrab kesusasteraan dengan masyarakat dapat dilihat melalui jelasnya gambaran masyarakat Melayu tradisi di dalam karya tersebut, sebagaimana yang terkandung dalam manuskrip Melayu. Hal ini membuktikan bahawa genre-genre Kesusasteraan Melayu Klasik sememangnya merupakan pendokumentasian sosiobudaya orang-orang Melayu yang terkandung di dalamnya adat dan adab, pandangan dunia, falsafah dan kepercayaan.





## 1.4 Kepentingan Kajian

Kajian yang bertajuk “Kajian fungsi dan motif cerita dalam teks *Syair Bongsu Pinang Peribut dan Puteri Susu Ganda* dengan *Cherita Bongsu Pinang Peribut* berdasarkan Teori Morfologi dan Sosiologi Sastera” ini dilaksanakan kerana ia dapat memberi kepentingan kepada pelbagai pihak. Sebagai contoh, ia boleh dimanfaatkan oleh pendidik dan pencinta bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam usaha memahami pemikiran Melayu menurut kaca mata atau pandangan bangsa Melayu sendiri. Kajian ini sedikit banyak menolak kesalahfahaman tafsiran dan pandangan pengkaji Barat terhadap pemikiran bangsa dan sastera Melayu.

Melalui kajian ini, diharap dapat memberi sumbangan yang bermakna terhadap pengkajian sastera tradisional dalam bentuk manuskrip yang kian lupus dari ingatan masyarakat. Antara sumbangan yang dapat dilihat menerusi kajian ini ialah:

- i. Memperkenalkan teks *SBPPPSG* dan *CBPP* kepada khalayak pembaca, terutamanya generasi kini.
- ii. Menghuraikan fungsi dan motif cerita dalam teks *SBPPPSG* sebagai dokumen sosiobudaya, serta nilai berbentuk amanat yang memberi pengetahuan, panduan dan pengajaran melalui fungsi dan motif cerita dalam teks *SBPPPSG*.
- iii. Membuktikan teks *SBPPPSG* sebagai teks yang bermanfaat dan bukan hanya menjalankan fungsi memberi hiburan semata-mata.



Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat secara teoretis yang dapat dijadikan sebagai kayu ukur atau perbandingan para pengkritik atau penyelidik lain untuk melakukan penyelidikan seterusnya, sekali gus dapat meningkatkan bilangan penyelidikan dalam bidang sastera Melayu tradisional. Sehubungan itu, pengkaji berharap kajian ini berguna sebagai salah satu bahan rujukan masyarakat terutamanya para pelajar dalam bidang berkaitan, khususnya dalam dunia kesusasteraan Melayu.

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini akan memfokuskan kepada tiga objektif berikut, iaitu:

1.5.1 Menjelaskan fungsi dan motif cerita dalam teks *SBPPPSG* dan *CBPP*

1.5.2 Menganalisis fungsi dan motif cerita dalam teks *SBPPPSG* sebagai dokumen sosiobudaya berdasarkan kerangka gabungan Teori Morfologi V. Propp dan Pendekatan Sosiologi Sastera Rene Wellek & Austin Warren.

1.5.3 Menghuraikan nilai berbentuk amanat melalui fungsi dan motif berdasarkan teks dan konteks.





## 1.6 Soalan Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini dijangka dapat menjawab beberapa soalan kajian agar penyelidikan lebih terarah kepada objektif kajian. Antaranya adalah:

- 1.6.1 Apakah fungsi dan motif cerita yang dapat dilihat dalam teks *SBPPPSG* dan *CBPP* melalui Teori Morfologi V. Propp?
- 1.6.2 Bagaimanakah fungsi dan motif cerita memperlihatkan teks *SBPPPSG* sebagai dokumen sosiobudaya berdasarkan kerangka gabungan Teori Morfologi V. Propp dan Pendekatan Sosiologi Sastera Rene Wellek & Austin Warren?
- 1.6.3 Sejauhmanakah nilai berbentuk amanat dapat ditonjolkan melalui fungsi dan motif berdasarkan teks dan konteks?



## 1.7 Batasan Kajian

Naskhah utama yang diteliti dalam kajian ini ialah manuskrip *Syair Bongsu Pinang Peribut dan Puteri Susu Ganda*, namun kajian turut menggunakan sebuah naskhah lain, iaitu *Cherita Bongsu Pinang Peribut* untuk diteliti secara keseluruhannya bagi melihat perbezaan episod antara kedua-dua teks. Berdasarkan kajian kepustakaan yang telah dilakukan, hanya ditemui sebuah sahaja manuskrip yang berjudul *Syair Bongsu Pinang Peribut dan Puteri Susu Ganda*. Manuskrip tersebut berada di Malaysia, tersimpan di Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Manuskrip yang tersimpan di sini ialah manuskrip bertulisan tangan dengan menggunakan aksara Jawi yang ditandai dengan kod MS 143. Dengan itu, manuskrip yang dipilih dalam kajian ini ialah manuskrip *Syair Bongsu Pinang Peribut dan*






*Puteri Susu Ganda* yang dikarang oleh Encik Ahmad Hud. Manakala sebuah teks lagi merupakan naskhah yang sudah diterbitkan pada tahun 1962 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bertajuk *Cherita Bongsu Pinang Peribut*. Sebelum analisis dilakukan, teks *SBPPPSG* terlebih dahulu ditransliterasikan bertujuan memudahkan pembacaan teks dalam kajian ini.

Kajian ini memilih manuskrip *SBPPPSG* kerana ia merupakan satu-satunya manuskrip yang paling hampir dengan teks *CBPP*. Hal ini kerana teks *SBPPPSG* diolah oleh pengarang berdasarkan penceritaan dalam *CBPP* dengan melihat kepada tarikh teks tersebut dikarang. Cerita mengenai *Bongsu Pinang Peribut* ini merupakan hasil sastera lisan yang tebal sekali keaslian sifat Melayunya. Ia kemudian telah dirakam daripada penuturan Encik Ahmad Hud yang berasal dari Temerloh, Pahang pada bulan Disember 1962 oleh Encik Shamsuddin Kassim dan Encik Ali Haji Ahmad. Seterusnya, hasil dari rakaman penuturan Encik Ahmad Hud, cerita ini dicetak kali pertama pada tahun 1964. Encik Ahmad Hud kemudiannya mengolah cerita tersebut yang berbentuk prosa, iaitu cerita (hikayat) kepada bentuk syair, namun isi kandungan cerita masih dikekalkan. Hal ini kerana, manuskrip yang dipilih mula dikarang pada 15 Disember 1964 dan selesai dikarang pada 20 Disember 1965. Keadaan ini menunjukkan bahawa *Syair Bongsu Pinang Peribut dan Puteri Susu Ganda* merupakan adaptasi daripada *Cherita Bongsu Pinang Peribut*. Akan tetapi, sudah pasti wujudnya unsur tokoh tambah bagi menonjolkan kelainan dalam sesebuah karya yang dihasilkan. Hal ini jelas dinyatakan pengarang, iaitu Ahmad Hud (1964) dalam teks yang disyairkannya, iaitu di bahagian kolofon yang berbunyi “*Cherita Bongsu Pinang Peribut* ini telah saya dijadikan syair pula. Kerana cerita yang ditukarkan dahulu itu ada juga yang terlupa. Hendak menceritakan kerana cerita ini



sangat panjang dan termasyhur sangat di kampung-kampung daripada dahulunya” (ms. 435). Secara ringkasnya, proses penghasilan teks *SBPPPSG* dapat difahami sebagaimana rajah berikut:



Rajah 1.1. Proses penghasilan *Cherita Bongsu Pinang Peribut (CBPP)* dan *Syair Bongsu Pinang Peribut dan Puteri Susu Ganda (SBPPPSG)*

Kajian ini tertumpu kepada beberapa aspek, iaitu:

- 1.7.1 Melihat perbezaan fungsi (episod) melalui aspek struktur cerita berdasarkan Teori Morfologi V. Propp dan mengenal pasti motif cerita.
- 1.7.2 Melihat fungsi dan motif cerita dalam teks *SBPPPSG* sebagai dokumen sosiobudaya berdasarkan kerangka gabungan Teori Morfologi V. Propp dan Pendekatan Sosiologi Sastera Rene Wellek & Austin Warren.
- 1.7.3 Memaparkan nilai berbentuk amanat yang ditonjolkan melalui fungsi dan motif cerita dalam teks *SBPPPSG*.



Kajian ini bersandarkan kepada Teori Morfologi V. Propp bagi memperlihatkan fungsi yang terdapat dalam kedua-dua teks. Namun, pemilihan teori ini adalah bersandarkan kepada model analisis yang diubahsuai oleh Noriah Taslim dalam menganalisis teks *Syair Raja Muda Perlis* dan *Hikayat Seri Rama*. Noriah Taslim (2006) menjelaskan bahawa “Berdasarkan model analisis tersebut, unsur-unsur struktur yang diubahsuai daripada konsep *function* (unsur terkecil dalam plot menurut V. Propp) akan dijadikan unit episod dan subepisod dalam perbandingan ini” (ms. vi). Selain dapat meneliti perbezaan episod-episod atau fungsi dalam kedua-dua teks, dapat juga diperlihatkan penyenaian fungsi yang terlibat dalam setiap pergerakan. Seterusnya, aspek motif cerita akan ditonjolkan berdasarkan senarai fungsi yang hadir dalam cerita. Kajian ini selanjutnya akan menganalisis fungsi dan motif cerita sebagai unsur yang memperlihatkan teks *SBPPPSG* sebagai dokumen sosiobudaya masyarakat berdasarkan kerangka gabungan Teori V. Propp dan Pendekatan Sosiologi Sastera Rene Wellek & Austin Warren. Selain itu, kajian turut menghuraikan nilai berbentuk amanat melalui fungsi dan motif cerita berdasarkan teks dan konteks.

## 1.8 Kaedah Kajian

Dalam kajian ini, terdapat dua kaedah kajian yang digunakan. Kaedah yang dipilih ini sesuai dengan objektif kajian yang dikemukakan. Kaedah tersebut ialah kaedah kajian kepustakaan dan kaedah analisis kandungan teks. Namun begitu, kaedah kajian lapangan turut digunakan bagi memperoleh maklumat tambahan yang dapat memberi suatu pengenalan kepada kajian. Kaedah ini membantu pengkaji mendapatkan





maklumat mengenai pengarang teks *SBPPPSG*. Kaedah analisis kandungan teks akan menggunakan Teori Morfologi V. Propp dan kerangka gabungan Teori Morfologi V. Propp dan Pendekatan Sosiologi Sastera Rene Wellek dan Austin Warren. Teori dan pendekatan ini akan dibincangkan dalam Bab 3.

## 1.9 Teori Kajian

### 1.9.1 Teori Morfologi V. Propp

Struktur naratif sesebuah cerita rakyat dapat diteliti melalui satu kaedah analisis berdasarkan skema Propp (1968), iaitu bagi melihat tindakan atau aksi watak yang disebut sebagai ‘fungsi’. Menurut Noriah Taslim (2006, ms. 103), V. Propp mentakrif kaedahnyanya sebagai “morphology of the folktale”. Kaedah ini kemudiannya dijelaskan sebagaimana dalam petikan berikut:

*Morphology* menurut V. Propp bermaksud *the description of the folktale according to its components parts and the relationship of these components to each other and to the whole*. Unit morfologi ini disebut sebagai *function* (diterjemahkan sebagai ‘fungsi’) yang ditakrifkan sebagai an act of the character.

(Noriah Taslim, 2006, ms. 103)

Pengkajian V. Propp terhadap 100 buah cerita rakyat (jenis pari-pari atau *marchen*) memberi satu rumusan bahawa jumlah fungsi adalah terhad, iaitu sebanyak 31 fungsi dan urutannya bersifat tetap. Kesemua fungsi tersebut tidak semestinya wujud dalam sesebuah cerita, namun fungsi yang wujud dalam sesebuah cerita itu, pasti mengikut urutan yang ditetapkan.





## 1.9.2 Pendekatan Sosiologi Sastera

Karya sastera dikatakan memiliki hubungan dengan realiti sosial di samping menjadi refleksi yang menggambarkan suatu keadaan masyarakat tertentu pada saat karya tersebut dilahirkan. Mohamad Mokhtar Hassan (1995, ms. 13) menjelaskan bahawa “karya boleh dianggap mewakili realiti sosial kerana di dalamnya terdapat kisah kehidupan”. Sama ada benar ataupun hanyalah rekaan, kisah kehidupan itu merupakan hasil tulisan seorang pengarang yang menggunakan pengalaman hidupnya sendiri untuk dituangkan atau dicurahkan ke dalam bentuk tulisan. Oleh yang demikian, sosiologi sastera bertolak dari premis bahawa hubungan di antara sastera dengan masyarakat adalah amat erat sehingga kedua-duanya tidak boleh dibicarakan secara berasingan (A. Rahman Yusof, 1988, ms. 82). Menurut Umar Junus (1986, ms. 3) pula, sosiologi sastera ialah “melihat karya sastera sebagai dokumen sosiobudaya, yang mencerminkan satu zaman”.

Pendekatan sosiologi sastera lebih menekankan unsur luaran karya seperti latar belakang pengarang, fungsi sastera dan hubungan karya dengan masyarakat (Mana Sikana, 2006, ms. 397). Dalam penelitian sosiologi sastera, Alan Swingewood telah mengemukakan pendekatan bahawa karya sastera dapat dilihat sebagai dokumen sosiobudaya, iaitu mencatatkan kenyataan sosiobudaya sesuatu masyarakat pada sesuatu masa tertentu (Mohamad Mokhtar Hassan, 1995, ms. 14). Pendekatan yang dikemukakan Alan Swingewood itu melihat hubungan langsung (*one to one correspondence*) antara unsur dalam karya dengan unsur dalam masyarakat yang dinyatakan dalam karya itu. Justeru, Umar Junur (1986, ms. 3-7) menjelaskan bahawa





pendekatan sebegini bertitik tolak dari konsep “karya sastra sebagai refleksi dari realiti”.

## 1.10 Definisi Operasional

Sebelum dijelaskan lebih lanjut mengenai kajian atau analisis yang akan dilakukan, terdapat frasa atau istilah tertentu yang perlu dijelaskan dengan lebih lanjut bagi memberi pemahaman mengenai kajian yang akan dijalankan. Frasa ataupun istilah tertentu yang membentuk ayat dalam tajuk kajian, iaitu “Kajian fungsi dan motif cerita dalam Teks *Syair Bongsu Pinang Peribut dan Puteri Susu Ganda* dengan *Cherita Bongsu Pinang Peribut* berdasarkan Teori Morfologi dan Sosiologi Sastra”

akan diberi pengertian yang jelas. Antaranya ialah:



### 1.10.1 Fungsi

Menurut *Kamus Dewan edisi keempat* (2005, ms. 418), fungsi merujuk kepada dua perkara, iaitu yang pertama sebagai “tugas atau jawatan”; dan yang kedua ialah “kerja (bahagian tubuh dan lain-lain), tugas atau peranan”. Dalam hal ini, ia merujuk kepada pekerjaan dan tujuan sesuatu itu diciptakan. Namun, dalam konteks kajian ini, fungsi (function), iaitu unit naratif yang terkecil dalam plot merupakan konsep asas dalam morfologi Propp. Fungsi menurut Propp (1968, ms. 21) didefinisikan sebagai “an act of a character” yang bermaksud tindakan atau aksi seseorang watak, iaitu disebut juga sebagai *dramatis personae*. Dalam morfologi V. Propp, istilah ‘fungsi’ digunakan





bagi menggantikan istilah ‘motif’, sebagaimana yang dijelaskan melalui pernyataan di bawah:

*In his analysis he departs from the smallest narrative units, the motifs; he defines the motifs in terms of their function, that is, in terms of what the dramatis personae do, independently of by whom and in what way the function is fulfilled.*

(Propp, 1968, ms. xxi)

V. Propp menggunakan istilah ‘fungsi’ sewaktu melaksanakan analisisnya terhadap cerita pari-pari. Menurutnya, motif yang merupakan unit naratif terkecil didefinisikan sebagai ‘fungsi’, iaitu mengikut apa yang dilakukan pelaku, tanpa mengira siapa dan bagaimana fungsi itu dilaksanakan. Jumlah fungsi yang dikemukakan V. Propp adalah terhad, iaitu terdapat 31 fungsi sahaja. V. Propp menjelaskan bahawa fungsi-fungsi tersebut dinyatakan sebagai “wujud secara berurutan dan urutan fungsi itu kemudiannya menjadi asas kepada tipalogi dalam sesebuah genre cerita rakyat” (Noriah Taslim, 1987, ms. xvii). Hal ini menjelaskan bahawa urutan fungsi adalah tetap, tetapi tidak semua cerita memperlihatkan kesemua fungsi. Sungguhpun demikian, ketiadaan fungsi tertentu tidak akan mengubah susunan fungsi yang lain.

Fungsi pelaku adalah komponen asas bagi sesebuah cerita. Setiap fungsi perlu didefinisikan berdasarkan dua sudut pandangan, iaitu definisi tidak seharusnya bergantung kepada pelaku atau watak yang menjalankan fungsi. Oleh yang demikian, definisi sesuatu fungsi akan diberi dalam bentuk kata nama yang menyatakan sesuatu perlakuan (larangan, penyoalan, penerbangan dan lain-lain). Kedua, sesuatu perlakuan tidak boleh didefinisikan secara berasingan dari kedudukannya dalam arus penceritaan. Hal ini bermaksud tindakan atau aksi yang sama berkemungkinan







mempunyai makna yang berbeza dan sebaliknya. Justeru, dalam konteks analisis ini, definisi ‘fungsi’ yang akan digunakan adalah merujuk kepada definisi oleh V. Propp, iaitu tindakan atau aksi watak (*an act of a character*).

### 1.10.2 Motif cerita

Istilah ‘motif’ menurut *Kamus Dewan edisi keempat* (2005, ms. 1044) dirujuk sebagai “sebab (tujuan) yang mendorong seseorang melakukan sesuatu atau bertindak; dasar fikiran atau pendapat; pokok (dasar, tema) dalam sebuah cerita dan lain-lain; dan sesuatu yang dijadikan dasar atau corak pada lukisan (ukiran dan lain-lain)”.

Pengertian yang pertama, iaitu “sebab atau tujuan yang mendorong seseorang bertindak” dilihat memiliki perkaitan dengan konteks kajian ini.

Motif merupakan istilah khas yang diberikan kepada unsur-unsur yang diulang-ulang dalam karya sastera. Menurut Danandjaja (1984, ms. 54), motif cerita dalam ilmu folklor ialah “unsur-unsur suatu cerita (*narrative elements*) dan motif inilah yang menjalin kesatuan struktural yang paling kecil yang berfungsi menghubungkan unsur-unsur tertentu yang sangat mendukung struktur cerita”. Sulastin Sutrisno (1983, ms. 92) menyebutkan bahawa “motif mendorong cerita ke arah yang lebih maju menuju suatu tema pokok”. Motif teks suatu cerita rakyat ialah unsur dari cerita itu yang menonjol dan tidak biasa sifatnya. Unsur-unsur itu dapat berupa benda (seperti tongkat wasiat), haiwan luar biasa (kuda yang dapat berbicara), suatu konsep (larangan atau tabu), suatu perbuatan (ujian ketangkasan), penipuan terhadap suatu tokoh (raksasa atau dewa), tipe orang tertentu (si pandir, si kabayan),





atau sifat struktur tertentu (pengulangan berdasarkan angka keramat seperti angka tiga dan tujuh).

Motif merupakan bahagian daripada struktur yang terdapat dalam plot cerita. Ia juga merupakan unsur terkecil dalam plot yang sering diulang-ulang dan berfungsi sebagai penggerak cerita serta berperanan mendokong tokoh dan tema sesebuah cereka (Harun Jaafar, 2001, ms. 3). Wellek dan Warren (1956, ms. 182) berpendapat bahawa “motif ialah bahagian terkecil dari plot cerita”. Seterusnya, melalui Sulastin Sutrisno (1979), Maatje pula mengatakan bahawa “Motif ialah kesatuan struktur yang paling kecil dengan fungsinya menghubungkan unsur-unsur yang mendukung cerita tersebut” (ms. 109).



disimpulkan bahawa motif ialah unsur pembentukan cerita; pola pemikiran khusus; dan diulang-ulang dalam situasi yang sama dalam sesebuah cerita atau kumpulan cerita. Ia juga berfungsi sebagai penggerak atau pendorong cerita dari satu peristiwa kepada peristiwa lain; juga digunakan untuk memanjangkan cerita; sebagai pembayang bagi menarik perhatian pembaca untuk lebih mengetahui peristiwa berikutnya; dan menjadi tanda pengenalan tetap dalam konvensi sastera Melayu tradisional.





### 1.10.3 Syair

Menurut Abdul Rahman al-Ahmadi (1966), “Syair adalah pengaruh baharu dalam kesusasteraan puisi Melayu yang wujud setelah tersebar agama Islam di Tanah Melayu” (ms. 77). Harun Mat Piah (1989) menjelaskan bahawa “Para pengkaji yang pernah meneliti syair sebulat suara menyatakan bahawa kata itu berasal daripada perkataan Arab *sy'r* yang secara umumnya merujuk puisi dalam apa-apa jua jenis seperti yang difahami dengan kata Inggeris *poem* atau *poetry*” (ms. 210). Kata *sy'r* ini pula melahirkan kata *sya'ir* yang membawa maksud “penulis atau pencipta puisi, penyair atau penyajak” (Rogayah A. Hamid dan Wahyunah Abd. Gani, 2005:, ms. 2).

Syair merupakan sejenis puisi yang terikat, biasanya terdiri daripada empat larik serangkap, empat perkataan selarik, mempunyai rima akhir *a-a-a-a*, dengan sedikit variasi dan kekecualian. Keseluruhan rangkap merupakan idea yang berurutan dan biasanya memerlukan beberapa rangkap untuk menyatakan satu keseluruhan idea (Harun Mat Piah et al., 2006). Za'aba (1965) pula mengatakan bahawa “Syair berasal dari perkataan Arab *shir* yang membawa maksud ‘perasaan dan pengenalan dengan jalan pancaindera’ kerana karangan syair selalunya membangkitkan pelbagai perasaan dan pengalaman yang dapat dirasai menerusi gambaran yang indah” (ms. 218).

Secara umumnya dalam pengertian masyarakat Melayu, syair merupakan “karangan berangkap yang terdiri daripada empat baris dengan rima akhirnya *a-a-a-a*” (Annas Hj. Ahmad, 1978, ms. 66) dan setiap baris pula mengandungi empat perkataan yang mempunyai 8, 9, 10 atau 12 suku kata. Bilangan perkataan dan suku kata ini amat diutamakan kerana ia berkait dengan bunyi, gaya dan irama atau rima.





#### 1.10.4 Morfologi

*Kamus Dewan edisi keempat* (2005) mendefinisikan ‘morfologi’ kepada tiga makna, iaitu “kajian tentang pembentukan kata dalam sesuatu bahasa, termasuk infleksi, terbitan dan pemajmukan; cabang biologi yang berkaitan dengan bentuk dan struktur organisma; dan kajian tentang struktur dan bentuk sesuatu” (ms. 1043). Ketiga-tiga makna menjelaskan bahawa morfologi merujuk kepada kajian mengenai bentuk.

Noriah Taslim (1987, ms. xix) menyatakan bahawa dalam bidang botani, ‘morfologi’ membawa maksud “kajian mengenai bahagian-bahagian komponen tumbuh-tumbuhan, hubungannya di antara satu sama lain dan kepada keseluruhannya atau dalam lain perkataan, kajian mengenai struktur tumbuh-tumbuhan”. *Morphology*

menurut Propp (1968, ms. 19) bermaksud “the description of the folktale according to its component parts and the relationship of these components to each other and to the whole”. V. Propp menggunakan istilah ‘morfologi’ ini bagi memperlihatkan bagaimana cerita rakyat, khususnya cerita pari-pari disusun atau dijalin dari awal hingga akhirnya. Dengan yang demikian, maka dapat diperlihatkan bahawa perjalanan sesebuah cerita itu dipenuhi oleh bahagian-bahagian yang merangkumi fungsi-fungsi di kalangan watak, unsur-unsur lain dalam cerita, penyebaran fungsi di kalangan watak, cara watak-watak baru diperkenalkan, sifat-sifat watak dan kepentingannya yang akhirnya dapat mewujudkan kesatuan terhadap keseluruhan cerita tersebut. Maka, istilah ‘morfologi’ dalam kajian ini merujuk kepada definisi yang dijelaskan V. Propp.





### 1.10.5 Sosiologi Sastera

Sosiologi menurut *Kamus Dewan edisi keempat* (2005, ms. 1519) didefinisikan sebagai “kajian tentang perkembangan, organisasi, kehidupan dan sebagainya mengenai masyarakat manusia”. Naapie Mat (2004, ms. 35) menjelaskan bahawa sosiologi dikaitkan dengan “soal-soal yang berhubungan dengan perubahan masyarakat, baik secara beransur-ansur atau mengejut mengikut revolusi, dari suatu jenis masyarakat kepada jenis yang lain”. Sastera menurut Naapie Mat (2004) pula diertikan sebagai “satu fenomena sosial yang menggunakan bahasa sebagai medium, bahasa itu sendiri merupakan ciptaan sosial. Sastera juga menampilkan gambaran kehidupan itu sendiri adalah suatu kenyataan sosial” (ms. 26). Menurut Scott (1977), sastera juga dikatakan “tidak diilhamkan dalam kekosongan sosial. Lebih tepat lagi, sastera adalah ciptaan masyarakat, iaitu manusia yang bergelar pengarang” (ms. 123). Seterusnya, Wellek dan Warren (1988, ms. 146) menyatakan sastera sebagai “menggambarkan kehidupan”.

Seterusnya, Dukheim (1958) menjelaskan bahawa sosiologi merupakan satu disiplin yang bertujuan mengkaji perilaku manusia, pembentukan satu struktur sosial dan kesepakatan bersama dalam ekonomi, politik, budaya dan sebagainya, manakala sastera merupakan disiplin yang mengkaji persoalan masyarakat, yang menjadi alternatif manusia dari aspek estetika untuk menyesuaikan diri serta membuat perubahan dalam masyarakat. Sosiologi sastera juga dianggap sebagai pendekatan yang boleh digunakan untuk mengkritik sastera yang boleh digunakan untuk “membicarakan soal penghayatan, menganalisis dan menilai sebuah karya secara saintifik menggunakan pendekatan tertentu” (Mana Sikana (1998, ms. 3). Menurut





Wellek dan Warren (1990, ms. 110) pula, “sosiologi sastera menghubungkan sastera dengan situasi tertentu, atau dengan sistem politik, ekonomi dan sosial”. Berdasarkan definisi-definisi yang dikemukakan, maka sosiologi sastera dalam kajian ini merujuk kepada pendekatan sosiologi sastera yang dikemukakan oleh Wellek dan Warren (1989, ms. 122) yang melihat “sastera sebagai dokumen sosial atau sebagai potret kenyataan sosial”.

### 1.11 Kesimpulan

Pemilihan tajuk kajian ini adalah berikutan dari permasalahan yang wujud berkaitan manuskrip berbentuk syair dari genre lipur lara. Antara permasalahannya, adaptasi teks berbentuk prosa kepada bentuk puisi tradisional, iaitu syair sudah pasti mewujudkan perubahan bentuk dan ciri-cirinya. Kedua, dalam upaya memahami teks sastera, terutama puisi, kesulitan utama yang biasa muncul adalah dalam upaya memahami makna. Maka, pemahaman makna sesebuah karya boleh diteliti melalui aspek struktur karya tersebut. Justeru, kajian yang dilakukan adalah untuk melihat persamaan dan perbezaan teks yang berasal dari naratif yang sama, namun dihasilkan dalam bentuk yang berbeza oleh penutur yang sama. Dengan erti kata lain, kajian dilaksanakan bagi melihat perbezaan fungsi (episod) antara teks prosa dan teks puisi. Kesemua permasalahan ini akan ditemui penyelesaiannya sepanjang kajian ini.

Permasalahan yang dikenal pasti ini kemudiannya dilihat membawa beberapa kepentingan yang ketara mendorong kajian ini diteruskan. Antara kepentingan tersebut ialah memperkenalkan teks *SBPPPSG* dan *CBPP* kepada khalayak pembaca,





terutamanya generasi kini; menghuraikan fungsi dan motif cerita dalam *SBPPPSG* sebagai dokumen sosiobudaya, serta nilai berbentuk amanat yang memberi pengetahuan, panduan dan pengajaran melalui fungsi dan motif cerita dalam teks *SBPPPSG*; dan membuktikan teks *SBPPPSG* sebagai teks yang berfaedah dan bukan hanya menjalankan fungsi memberi hiburan semata-mata. Dengan yang demikian, tiga objektif utama menjadi fokus kajian ini, iaitu menjelaskan fungsi dan motif cerita dalam teks *SBPPPSG* dan *CBPP* berdasarkan Teori Morfologi V. Propp; menganalisis fungsi dan motif cerita dalam teks *SBPPPSG* sebagai dokumen sosiobudaya berdasarkan kerangka gabungan Teori Morfologi V. Propp dan Pendekatan Sosiologi Sastera Rene Wellek & Austin Warren; dan menghuraikan nilai berbentuk amanat melalui fungsi dan motif berdasarkan teks dan konteks.



ialah penyenaian fungsi (episod) dan motif cerita dalam teks, aspek kedua merupakan analisis fungsi dan motif cerita dalam teks *SBPPPSG* sebagai dokumen sosiobudaya, dan aspek ketiga pula ialah pemaparan nilai berbentuk amanat yang terkandung dalam fungsi dan motif cerita. Oleh yang demikian, kajian menggunakan tiga kaedah, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan yang bertujuan mengumpulkan data dan bahan; dan kaedah analisis kandungan teks yang dilakukan dalam usaha memberi tafsiran terhadap aspek-aspek yang ingin diteliti dalam teks.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa kaedah khusus beserta teori atau pendekatan tertentu wajar digunakan ke arah mencapai objektif kajian. Pemilihan bahan kajian, pendekatan mahupun teori yang diguna pakai dinyatakan secara jelas agar kajian ini dapat dilihat dari sisi yang berlainan dengan kajian-kajian seumpama





atau sejenisnya sebelum ini. Diharap kajian ini menjadi penyumbang kepada usaha meningkatkan kajian dalam bidang sastera tradisional Melayu agar khazanah yang diwarisi ini dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh generasi kini. Hal ini kerana kajian ke atas teks sastera tradisional ini membolehkan falsafah, sejarah dan jati diri bangsa Melayu itu dapat difahami dengan jelas. Sekaligus diharapkan kajian ini dapat memperlihatkan teks lipur lara sebagai sebuah wadah pembentukan emosi, rohani dan intelek ke arah insan yang sempurna dari pelbagai peringkat usia.





## NOTA Hujung

<sup>1</sup> Setelah Islam diterima secara meluas oleh masyarakat alam Melayu dan bahasa Arab mula digunakan sebagai sistem tulisan mereka, secara perlahan-lahan bahasa Melayu yang menggunakan huruf Jawi dibentuk. Dengan yang demikian, tulisan Melayu yang menggunakan huruf Arab itu disebut sebagai tulisan Jawi, iaitu ia dibentuk dengan gabungan huruf-huruf Arab dan huruf-huruf baru yang direka (Harun Jaafar, 2004, ms. 24).

<sup>2</sup> Syair yang bertarikh 1380 M (781 H) ini adalah dalam bahasa Melayu, namun masih bercampur dengan bahasa Sansekerta dan Arab (Fitria Rosa, Neni Hermita & Achmad Samsudin, 2017, ms. 6).

<sup>3</sup> Penghasilan syair ini dan beberapa syair lain seperti *Syair Perahu*, *Syair Burung Pingai* dan *Syair Dagang* dalam abad ke-16M merupakan titik tolak kepada kewujudan bentuk syair yang diketahui kini. Oleh yang demikian, Hamzah Fansuri dianggap sebagai pengarang yang mula-mula sekali memperkenalkan bentuk syair yang berciri khusus (Syed Muhammad Naquib, 1968, ms. 19).

<sup>4</sup> *Cherita Bongsu Pinang Peribut* ini dan juga lain-lain cerita penglipur lara Melayu adalah merupakan hasil sastera lisan yang tebal sekali keaslian sifat Melayunya, yang amat sederhana – menggambarkan orang-orang, perasaan, pemikiran dan masyarakat Melayu yang sederhana sekali pada serba serbinya (Hamsiah Abdul Hamid, 1964, ms. x).

<sup>5</sup> Pandangan ini adalah bersandarkan kepada pernyataan Mohamad Saleeh Rahamad (2014, ms. 307), yang menjelaskan bahawa “Wacana oksidentalisme dalam persuratan Melayu sudah wujud dalam teks persuratan tradisional pada abad ke-17 lagi, kesan daripada kedatangan kuasa Eropah ke Alam Melayu yang bermula dengan penjajahan Portugis di Melaka pada tahun 1511. Teks sastera sejarah *Sulalat al-Salatin* atau *Sejarah Melayu* diikuti oleh *Hikayat Hang Tuah* telah mewacanakan Barat dengan persepsi yang terbentuk oleh corak hubungan kuasa Eropah (Portugis dan Belanda) dengan kerajaan yang menaungi pengarangnya”.

<sup>6</sup> n-a-l-m (disebut nalam). Perkataan ‘nalam’ bermaksud nazam (Kamus Dewan edisi keempat, 2005, ms. 1067). Namun, perkataan ini dilihat lebih tepat apabila dirujuk kepada Kamus Besar Bahasa Indonesia (<https://kbbi.web.id/nalam>) yang bermaksud gubahan sajak (syair, karangan).

<sup>7</sup> *SBPPPSG* dikarang pada kurun ke-20, namun syair diketahui sebagai bentuk puisi yang amat popular di alam Melayu pada kurun ke-18 dan ke-19 (Noriah Taslim, 2006, ms. 12).

<sup>8</sup> Hikayat ini memiliki versi *kaba*, iaitu *Kaba Anggun nan Tungga* yang menjadi dasar Djamin dan Tasat (1978) untuk mengubahnya ke dalam bentuk syair (*Syair Anggun Cik Tunggal*). Syair ini juga bahasanya sudah dimelayukan (Edwar Jamaris, 2002, ms. 39).

<sup>9</sup> Konsep ini bertitik tolak dari pendekatan yang dikemukakan Swingewood (1972) dalam penelitian sosiologi sastera.